

ثقتين تيته

PETIKAN TITAH

"KITA mahu, jawatan-jawatan dalam industri atau sektor swasta dapat diisi, tanpa terlalu memilih atau cerewet dan kalau berusaha, janganlah hanya pandai membuka syarikat, sedang syarikat dijalankan oleh orang asing". - Titah Sempena Tahun Baharu Masihi 2020.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar". Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 9.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 17

8 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادى الأخير 14

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Tingkat keselamatan semasa cuaca panas, kering!

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

SERIA, Jumaat, 7 Februari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sentiasa mengingatkan orang ramai agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membuat perunan yang boleh melarat dan mengakibatkan kebakaran besar, semasa musim panas dan kering.

Berikutan maklumat daripada Jabatan Kajiucua Negara Brunei Darussalam, negara dijangka akan memasuki fasa kedua Monsun Timur Laut sekitar hujung bulan Januari 2020 dan berterusan hingga hujung bulan Mac 2020.

Berdasarkan klimatologi Negara Brunei Darussalam, bulan Februari dan Mac mempunyai bilangan hari-hari berhujan dan juga jumlah turunan hujan yang terendah berbanding bulan-bulan lain.

Sepanjang tempoh itu, negara pada lazimnya akan mengalami keadaan cuaca yang panas dan kering, di mana aktiviti turunan hujan juga berkurangan disebabkan keadaan atmosfera yang stabil.

Impak-impak cuaca yang berpotensi berlaku semasa tempoh fasa kedua Monsun Timur Laut adalah keadaan panas di waktu siang, dan ada kalanya suhu udara maksima meningkat antara 33 ke 35 darjah Celsius dan keadaan kering juga boleh menyebabkan cuaca sedikit berjerebu.

Ke muka 5

Rekrut diseru mendalami ilmu agama



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri memeriksa perbarisan terdiri daripada Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-165 di Padang Kawad, Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Penanjong Garison.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

TUTONG, Jumaat, 7 Februari. - Kerjaya tentera memerlukan disiplin, komitmen dan pengorbanan yang tinggi demi memastikan keamanan serta kedaulatan negara adalah terpelihara.

Bukan itu sahaja, kerjaya ini juga merupakan satu kerjaya yang dipandang tinggi dan mulia oleh masyarakat.

Setiausaha Tetap (Media dan

Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammad Riza bin Dato Paduka Haji Mohammad Yunus berucap demikian pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-165 di Padang Kawad, Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Penanjong Garison, di sini.

Ujarnya, untuk berupaya menjaga negara ini, maka para rekrut sekaliannya telah pun diajarkan ilmu dan kemahiran sebagai seorang tentera.

Ke muka 3

Operasi membawa pulang dua warganegara dari Wuhan

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Berikutan perkembangan semasa dan kewaspadaan terhadap penyebaran Coronavirus, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang giat berusaha, sekali gus memastikan kebijakan, kesihatan dan keselamatan penduduknya dijaga, sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Beijing, China telah bekerjasama rapat dengan pihak Kerajaan China dan pihak-pihak berkepentingan di NBD dalam

memastikan langkah-langkah yang bersesuaian untuk dilaksanakan.

Seramai 73 pelajar yang berdaftar di Republik Rakyat China, di bawah Majlis Biasiswa China, Biasiswa One Belt One Road dan Biasiswa Hengyi, telah selamat kembali ke NBD dan dilaporkan dalam keadaan sihat juga bebas daripada jangkitan virus tersebut.

Manakala dua lagi penduduk NBD, seorang pelajar dan pelancong masih berada di Wuhan juga masih menunggu proses penghantaran pulang ke NBD.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menghantar penerbangan ke Wuhan untuk membawa pulang dua penduduk tempatan itu dengan kerjasama di antara Kementerian

Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kesihatan dan Penerbangan Diraja Brunei (RB), di mana penerbangan itu akan dikendalikan sepenuhnya oleh RB.

Penerbangan terdiri daripada dua Pegawai Perubatan dari Kementerian Kesihatan dan empat anak kapal RB.

Langkah berjaga-jaga diambil bagi memastikan kepulangan dua penduduk tempatan itu dengan selamat, begitu juga Pegawai Perubatan dan kakitangan penerbangan.

Penerbangan sudah bersedia untuk berlepas seawalnya pada Jumaat, 7 Februari 2020, sementara menunggu kelulusan dari Kerajaan China. Kedutaan NBD di Beijing juga sentiasa berkomunikasi bersama kedua-dua penduduk Brunei itu bagi memastikan kesejahteraan mereka berterusan.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



28 ketua keluarga terima sumbangan Muka 4



PEMERIKSAAN suhu badan di pos kawalan dipergiatkan Muka 6



NBD - Republik Singapura kukuhkan diplomasi pertahanan Muka 9



ISLAMIC Mind - Pendidikan Islam dalam bentuk animasi dan gamification Muka 21

Persiapkan belia dengan ilmu bermanfaat

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

ALHAMDULILLAH, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua dapatlah kita berhimpun bersama-sama dalam majlis yang penuh dengan makna pada hari ini, iaitu Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-9, Tahun 2019.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua 396 bakal pelatih. Kita amat berbangga para pelatih berani dan cecal untuk berfikiran jauh, berazam dan komited untuk menjadi insan yang lebih cemerlang, berguna dan berbakti demi menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara secara berterusan. Alhamdulillah, selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, para pelatih menunjukkan komitmen serta keberanian tersendiri untuk tampil ke hadapan bagi menjiwai usaha-usaha yang berkebijakan khususnya dengan membina sahsiah diri dan memperkasa semangat patriotisme bangsa melalui program ini.

Dalam pada itu, sukacita peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan, para sukarelawan dan bekas pelatih PKBN yang turut terlibat sama dalam edisi PKBN pada kali ini. Secara khususnya, pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menyumbang seramai 47 orang jurulatih untuk melaksanakan latihan.

Peramba / saya amat yakin sumbangan ini akan memberikan nilai tambah yang bermakna bagi program ini, terutamanya dengan peningkatan kualiti latihan ke arah membentuk para pelatih yang resilien dan berdisiplin tinggi sepertimana yang dihasratkan. Setentunya, matlamat kita tetap untuk melahirkan para belia yang mempunyai keperibadian yang menyeluruh di samping berupaya untuk menyumbang ke arah kemajuan, kemakmuran dan kejayaan masyarakat.

Dalam tiga bulan yang akan datang ini, kita yakin para pelatih akan menimba pengalaman baharu serta mempelajari teras yang bertujuan untuk mengukuhkan jati diri, membangun ketahanan jasmani, memupuk budi pekerti serta mempertahankan pegangan berteraskan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja. Oleh yang demikian, manfaatkanlah pengalaman ini dengan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-9 pada Sabtu, 10 Rabiulakhir 1441 Hijrah / 7 Disember 2019 Masihi di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.

sebaik-baiknya. Jadikanlah tempoh 103 hari ini sebagai titik permulaan untuk menjadi insan yang dibanggakan negara kerana biskitalah generasi 'Belia Siaga Masa Depan' yang akan terus mengorak langkah yang lebih jauh bagi negara dalam dunia yang pesat berkembang, di samping celik dalam aspek duniawi dan ukhrawi.

Secara keseluruhannya, hasil pelaburan Kem Latihan PKBN bukan setakat dilihat dari segi mata wang yang nyata semata-mata (*tangible*), apa yang lebih penting ia hendaklah dinilai melalui aspek tidak ketara (*intangible*) terutamanya dari segi impak kepada peserta mahupun kesan mereka kepada masyarakat. Oleh itu, kita amat berbangga PKBN telah mendidik seramai 2,537 orang belia sejak ia bermula. Di sinilah pentingnya untuk menyatukan matlamat bagi mempersiapkan para belia kita dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat dengan sebaiknya agar usaha pemerkasaan ini akan diterjemahkan kepada tindakan yang

berimpak tinggi kepada masyarakat. Di sini saya ingin mengingatkan betapa pentingnya peranan Alumni PKBN sebagai platform untuk meneruskan impak dan sumbangan yang bermanfaat. Gunakanlah platform ini dengan sepenuhnya dan ingatlah, kemahiran yang dipelajari kurang bermakna jika ia tidak dipraktikkan.

Sememangnya, pembangunan dan kecemerlangan belia tidak bergantung kepada usaha pihak kerajaan semata-mata. Usaha murni ini amat memerlukan pendekatan Whole of Nation yang turut melibatkan agensi-agensi bukan kerajaan dan ahli-ahli keluarga, di samping semangat dan kemahuan para belia itu sendiri untuk berubah dan berjaya.

Oleh yang demikian, kepada para ibu bapa secara khususnya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih atas dorongan dan sokongan yang berterusan, di samping kepercayaan bagi anak-anak biskita untuk mengikuti Kem Latihan PKBN. Seperti dimaklumi bersama, sokongan keluarga amatlah bernilai dalam membantu perkembangan anak-anak agar ilmu yang dipelajari dalam latihan terus dipupuk dan dipraktikkan secara berterusan sebagai contoh teladan kepada rakan-rakan dan ahli keluarga lain.

Pada masa yang sama, kepada para jurulatih, ingatlah amanah dan janji untuk mencapai yang terbaik bagi para pelatih. Laksanakanlah setiap amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan tauladan yang baik kepada para pelatih agar hasrat kita untuk melahirkan modal insan benar-benar dapat direalisasikan. Ingatlah, hala tuju kita adalah pembentukan para belia yang akan mengangkat nama keluarga, masyarakat dan negara ke arah kejayaan dunia dan akhirat.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi setinggi-tinggi tahniah dirakamkan kepada setiap pelatih PKBN Pengambilan Ke-9. InsyaaAllah, dengan titik peluh, usaha keras dan semangat yang tinggi, saya amat yakin 103 hari yang akan datang ini akan mempunyai makna yang terbesar bagi biskita.

Dalam pada itu, dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dengan kalimah Agung *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya melancarkan Program PKBN Pengambilan Ke-9, Tahun 2019.

Sekian. *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.*

Dari Sidang Pengarang.

8 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادى الآخر 14

DASAR PENGASINGAN DIRI PASTIKAN INDIVIDU MASYARAKAT DILINDUNGI

DI AWAL tahun 2020, dunia dikejutkan dengan penemuan penyakit baharu yang berasal dari Wuhan, China, iaitu penyebaran Coronavirus yang berkembang pesat. Penyakit ini disebabkan oleh Coronavirus jenis baharu yang disebut virus 2019-nCoV.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan terus mengambil langkah dalam sama-sama meningkatkan kewaspadaan bagi mencegah jangkitan Coronavirus di negara ini.

Sebagai sebahagian dari respons kebangsaan terhadap situasi Coronavirus Baharu (2019 n-CoV) yang sedang melanda beberapa kawasan di Republik Rakyat China dan beberapa buah negara lain, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan dasar pengasingan diri (*self-isolation*) bagi individu-individu yang telah kembali atau akan kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dari Republik Rakyat China.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan baru-baru ini, dasar pengasingan diri ini telah diperkenalkan untuk memastikan kesihatan serta kesejahteraan individu-individu terjejas dan masyarakat umum juga akan dilindungi. Kementerian berkenaan juga menggesa bagi mendapatkan kerjasama orang awam, para majikan, dan pihak-pihak berkepentingan lain dalam pelaksanaan dasar ini.

Individu-individu yang memenuhi kriteria pengasingan diri adalah diwajibkan, di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204, untuk menahan diri daripada sebarang kegiatan-kegiatan awam, dan memantau kesihatan mereka selama 14 hari dari tarikh kedatangan kembali ke NBD dan menasihatkan orang ramai untuk tidak merasa cemas atau panik mengenai situasi ini.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar pengasingan diri (*self-isolation*) orang ramai hendaklah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau menghubungi Bahagian Kawalan Penyakit melalui e-mel di dcd.bruhims@moh.gov.bn atau melalui telefon di talian +673 2380316 / +673 238031

Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan akan terus memastikan tahap kesiapsiagaan dan bekerjasama dengan pihak WHO serta negara-negara jiran bagi mengawal keadaan jangkitan Coronavirus Baharu (2019-nCoV). Sebagai langkah berjaga-jaga orang ramai adalah juga dinasihatkan dan diingatkan berusaha dengan mengambil langkah pengawasan diri daripada terkena sebarang penyakit seperti menjaga kebersihan diri dan menjauhi apa jua yang menjadi punca kepada penularan penyakit.

Semoga wabak penyakit ini akan segera berakhir dan semoga diri kita, ahli keluarga kita serta seluruh rakyat dan penduduk negara ini mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan selamat dari segala wabak penyakit dan bala bencana. Amin Ya Rabbal'alamin. - **Ketua Penyuntingan (Fm)**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 31 26 °C	30 25 °C	32 26 °C
PEKAN BANGAR 31 26 °C	30 25 °C	32 26 °C
PEKAN TUTONG 31 26 °C	31 26 °C	32 26 °C
KUALA BELAIT 31 26 °C	31 26 °C	32 26 °C

Wallahualam Biesawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	14	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
9	AHAD	15	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	ISNIN	16	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	SELASA	17	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
12	RABU	18	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
13	KHAMIS	19	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	JUMAAT	20	5.07	5.17	6.36	6.58	12.36	3.55	6.33	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Rekrut diseru mendalami ilmu agama



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (kiri) menyampaikan Anugerah Rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan kepada 53424 Rekrut (L) Muhammad Khairul Safwan bin Abdul Karim.

Dari muka 1

Beliau menyatakan ilmu dan kemahiran itu juga tidaklah terhad kepada apa yang sudah dipelajari, tetapi adalah diharapkan supaya

para rekrut semua untuk sentiasa dahaga menimba lebih banyak ilmu pengetahuan secara berterusan di sepanjang perkhidmatan bersama ABDB, bahkan juga di sepanjang hidup ini

secara amnya.

Bahkan, untuk membina sosok tentera yang mantap, katanya adalah tidak kurang pentingnya bagi para rekrut sekaliannya untuk mendalami ilmu agama seperti aqidah, ilmu fardu ain, ibadah dan akhlak.

Ilmu-ilmu agama tersebut jelasnya haruslah dipertingkatkan dari semasa ke semasa, baik melalui pembelajaran formal, atau kursus, juga dengan menghadiri majlis-majlis ilmu dan sebagainya.

"Ilmu agama inilah yang akan menjadi benteng ampuh bagi kita semua di dalam mengharungi kehidupan dan alam pekerjaan yang sangat-sangat mencabar. Dan sudah menjadi lumrah di dalam pekerjaan ini, abiskita tidak akan dapat lari daripada berhadapan dengan bermacam-macam ujian yang mampu menggugat perasaan, kesabaran dan juga iman," tambahnya lagi.

Menurutnya, disinilah pentingnya para rekrut itu untuk mempunyai hati dan jiwa yang cekal untuk mengharungi semua asam garam kehidupan berkerjaya tersebut, lebih-lebih lagi kerjaya sebagai seorang tentera.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

"Sebab itulah juga, nilai-nilai murni seperti rajin, titih, lutan, juga sifat jujur, amanah, dan integriti adalah etika yang sangat ditekankan di dalam agama kita. Sementara malas, sambil lewa dalam bekerja, dan perbuatan seperti pecah amanah itu pula adalah perbuatan yang amat-amat dipandang hina. Maka, jagalah diri dan pikullah tanggungjawab serta kepercayaan yang telah diberikan dengan sebaiknya, Jangan dicemarkan nama baik ABDB ini disebabkan oleh perbuatan sebilangan kecil ahlinya," terangnya lagi.

Seramai 269 anggota Rekrut Lelaki Pengambilan ke-165 menamatkan latihan asas ketenteraan setelah menjalani latihan selama 31 minggu.

Semasa upacara tersebut, Pegawai Menerima Tabik Hormat, Awang Mohammad Riza juga memeriksa perbarisan, dan menyampaikan anugerah-

anugerah kepada jurulatih-jurulatih dan rekrut-rekrut yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang latihan dijalankan.

Penerima-penerima anugerah bagi Pengambilan Rekrut Lelaki ke-165 bagi Platun Sarjan Lelaki Terbaik dinobatkan kepada 15445 Sarjan (U) Hamdy bin Tujoh; 19317 Koperal (U) Abdul Qawi bin Duraim menerima anugerah Jurulatih Lelaki Terbaik; 53424 Rekrut (L) Muhammad Khairul Safwan bin Abdul Karim dianugerahkan sebagai Rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan; 53490 Rekrut (U) Awangku Arsyad Muazzam bin Pengiran Ahmad pula dianugerahkan bagi Rekrut Terbaik Senjata Ringan; 53387 Rekrut Muhammad Afifi bin Ramli dianugerahkan Latihan Jasmani Terbaik dan 53446 Rekrut (L) Md. Nur Arif bin Haji Zabidi menerima anugerah bagi Kemahiran Tentera Terbaik.



PERBARISAN lalu daripada Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-165 pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan di Padang Kawad, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison (kiri), sementara gambar kanan, kalangan kaum keluarga yang hadir pada upacara perbarisan tersebut.



Program AJWELP, 10 - 13 Februari

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. - Pusat ASEAN-Japan (AJC) akan menganjurkan Program Hubungan Usahawan Wanita ASEAN-Jepun

Ke-4 (AJWELP) dari 10 hingga 13 Februari 2020, di Bandar Seri Begawan.

AJWELP merangkumi Acara Pembentangan Perniagaan yang

bertujuan untuk menghubungkan awal permulaan usahawan wanita dengan syarikat sokongan dan mentor. AJWELP dianjurkan bersama oleh Darussalam

Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Enterprise (DARE)



Enterprise (DARE), bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN, Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN mengenai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME), Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN (AWEN) dan organisasi lain yang berkaitan.

Semasa Acara Pembentangan Perniagaan, Finalis AJWELP yang mewakili setiap Negara Anggota ASEAN akan memperlihatkan pelan perniagaan mereka dan

cabaran yang dihadapi di hadapan tuan rumah syarikat dan usahawan wanita yang ditubuhkan (mentor) dari negara anggota ASEAN dan Jepun. Acara Pembentangan Perniagaan pada 12 Februari 2020 akan dibuka kepada orang awam.

AJC mengalu-alukan orang ramai untuk melihat pembentangan daripada peniaga usahawan wanita yang mempunyai bercita-cita terdiri dari negara anggota ASEAN.

Seramai 25 usahawan wanita akan menyertai program ini dan orang awam akan mempunyai peluang untuk membangunkan rangkaian dengan mereka melalui perundingan perniagaan dan penerimaan rangkaian, yang akan diadakan sejurus selepas tersebut.

SUASANA AJWELP Ke-3 yang berlangsung di Kuala Lumpur, 2019.

28 ketua keluarga terima sumbangan

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Seramai 28 orang ketua keluarga yang terlibat dalam bencana banjir dan bencana kebakaran, khususnya bagi Daerah Brunei dan Muara menerima bantuan kewangan kerajaan dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei Muara, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), di sini.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kepada ketua-ketua keluarga tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sejumlah BND10,750 disumbangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan JAPEM kepada 14 ketua keluarga yang terlibat dalam bencana banjir di Kampung Kapok; Kampung Serasa; Kampung Kilanas; Kampung Batong; dan empat

orang ketua keluarga yang terlibat dalam bencana kebakaran di Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Menurut, Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir, bantuan kewangan yang disumbangkan ini diharap akan dapat meringankan beban para mangsa yang terlibat, meneruskan membina semula kehidupan, setentunya penuh dengan cabaran dan dugaan.

Beliau turut menyentuh bahawa pihaknya menyedari akan kepentingan bagi mempercepatkan pengagihan bantuan-bantuan kewangan ini dan sedang berusaha untuk mengemas kini



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) semasa menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa bencana banjir.

proses penyiasatan dan proses pembayaran kepada

mangsa-mangsa berkecukupan.

Selain itu, Dayang Rostinah turut menghargai kerjasama padu yang diberikan oleh agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penghulu-penghulu Mukim juga Ketua-ketua Kampung terlibat.

Turut hadir pada majlis berkenaan, pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, JAPEM dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.



ANTARA mangsa-mangsa banjir yang hadir semasa Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada Mangsa Bencana bagi Daerah Brunei dan Muara (kiri dan kiri sekali).

GLAM bantu kenali kehidupan Islam

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Bersempena Festival Jubli Emas Pusat Belia, BARAKAH Event Management bersama Biro Keagamaan naungan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) menganjurkan Majlis Pelancaran GLAM (Guide Lead Advise Me), di Dewan Riadah,

Pusat Belia, ibu negara.

Pelancaran disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said selaku tetamu kehormat.

GLAM merupakan satu projek yang dijalankan oleh KKBT

di bawah KKBS, ber'platform' kepada pendidikan, para belia dan organisasi bagi membantu para rakan untuk mendekati agama dalam mempelajari kehidupan Islam secara harmoni dan bermasyarakat.

Selain itu, GLAM juga pernah mengendalikan beberapa projek, antaranya program khidmat keusahawanan, pendidikan dan komuniti masyarakat.

Atur cara juga turut diserikan dengan Sesi Tazkirah, disampaikan

oleh Dayangku Nurizzati binti Pengiran Haji Kasharan yang memfokuskan mengenai belia, dan sebelum itu turut diadakan Sesi Open Mic bagi para peserta yang hadir.

Festival dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sebagai mengimbas kembali Ristaan Sejarah 50 Tahun Pembukaan Pusat Belia pada 20 Disember 1969, di mana penubuhannya sebagai platform

bagi belia untuk menjalankan aktiviti dan program kebeliaan, sekali gus mengembangkan lagi potensi belia secara positif di negara ini.

Selain itu, pelbagai acara juga disusun bagi memeriahkan lagi festival tersebut hingga Ahad ini, 9 Februari 2020 dengan beberapa program pengisian, termasuk gerai-gerai jualan, pameran, sukan dan rekreasi juga aktiviti keusahawanan dan banyak lagi.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran GLAM, seterusnya mendengarkan Tazkirah yang disampaikan oleh Dayangku Nurizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

Tingkat keselamatan semasa cuaca panas, kering!

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

Dari muka 1

Mengikut pecahan statistik panggilan kebakaran hutan dan rumput yang diterima oleh JBP pada bulan Februari hingga April 2019 adalah sebanyak 1,201 panggilan yang melibatkan 1171.19 hektar bersamaan dengan keluasan 1,312 padang bola.

Catatan statistik panggilan keseluruhan kebakaran hutan dan rumput bagi bulan Februari hingga April tahun 2019 juga agak tinggi.

Sehubungan itu, orang ramai juga tidak dibenarkan membuang api puntung rokok yang masih menyala di merata tempat dan pastikan memadam api rokok yang masih menyala.

Kepada mereka yang suka berburu atau melakukan apa-apa jua aktiviti riadah di dalam hutan hendaklah mengelak dari membuat nyalaan api (unggun api) dan jika pun perlu, pastikan bara-bara api dipadamkan sepenuhnya sebelum meninggalkan tempat berkenaan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk berhati-hati dengan persekitaran rumah berikutan dengan keadaan kemarau yang melanda sekarang yang mana boleh saja menyebabkan binatang atau serangga berbisa seperti ular, lipan atau kala jengking mencari

tempat perlindungan di tempat sejuk seperti di luar kawasan dan dalam rumah, stor, tandas dan sebagainya.

Seluruh balai-balai bomba akan menjalankan rondaan secara berkala di kawasan-kawasan yang dikenal pasti selalu terjadinya kebakaran untuk tindakan segera dan membuat pemantauan bagi memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini.

Aspek-aspek keselamatan dan persediaan bagi langkah-langkah yang terbaik untuk keselamatan bersama pengguna jalan raya juga penting.

Orang ramai diseru agar sentiasa meningkatkan kewaspadaan bagi mengurangkan had laju semasa melintasi jalan raya berdekatan dengan kawasan kebakaran hutan, kerana asap kebakaran boleh menghalang penglihatan dan mengakibatkan kemalangan.

Nyalakan lampu hadapan kereta bila penglihatan tidak jelas dan jika terperangkap dalam keadaan jerebu, carilah tempat yang selamat untuk berhenti.

JBP sentiasa bersiap siaga 24 jam dan sentiasa membuat rondaan dan pemantauan di darat mahupun perairan bagi mengambil langkah-langkah berpatutan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi.



ANGGOTA Jabatan Bomba dan Penyelamat ketika bertindak semasa memadamkan kebakaran belukar.

Kefahaman dan bantuan orang ramai dalam sama-sama bertindak meningkatkan keselamatan peringkat awal adalah tindakan terbaik sebelum bantuan tiba.

Jika awda mendapati ada api-api kecil berada di tepi jalan, awda bolehlah memberikan bantuan dan kerjasama dengan memadamkan api kecil tersebut sebelum ia merebak menjadi api besar.

Orang ramai juga diminta untuk melaporkan kepada pihak JBP

apabila melihat kepulan asap disebabkan oleh kebakaran hutan dan rumput atau sebarang kecemasan melalui Talian Kecemasan JBP 995 dan Talian Aduan Darussalam bagi aduan pembakaran terbuka.

Dengan bantuan seumpama itu, awda telah membantu JBP dalam memadamkan kebakaran dan persekitaran juga tindakan awda melakukan amalan mulia dan terpuji.

JBP menawarkan kursus-kursus berkaitan dengan keselamatan kebakaran kepada orang ramai seperti Kursus Fire Marshal, Taklimat Keselamatan Kebakaran, Taklimat Life Saver 995.

Orang ramai bolehlah berhubung terus ke Bahagian Perhubungan Awam Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat melalui talian +673 2382860 atau +673 2380409 sambungan 111 semasa waktu pejabat.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (kiri) menyampaikan cenderahati kepada wakil universiti serantau yang menyertai Perkhemahan Bahasa Arab Serantau Kali Pertama tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Seramai 112 peserta mengakhiri Perkhemahan Bahasa Arab Serantau Kali Pertama dengan majlis penghargaan hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan Penyampaian Sijil, Setiausaha Tetap Kementerian, Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Perkhemahan merupakan anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam yang bermula 3 hingga 6 Februari, di Pusat Belia, ibu negara.

Bertemakan "Bersama-sama Berinovasi dan Meningkatkan Kemahiran", perkhemahan dihasratkan untuk menjadi sebuah platform kepada pelajar-pelajar daripada serantau Asia untuk mencipta persekitaran bahasa Arab yang kondusif serta membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk saling berinteraksi dengan menggunakan bahasa Arab secara aktif.

Para peserta merupakan Mahasiswa UNISSA; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Universiti Malaysia (UM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS); Universiti Putra Malaysia (UPM);

112 tamat perkhemahan Bahasa Arab

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Atas sambutan yang menggalakkan dalam kalangan peserta dalam dan luar negara, penganjuran perkhemahan akan diadakan sebagai acara tahunan secara bergilir, di mana ia akan diadakan di UM pada tahun hadapan.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa

dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari; dan Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perkhemahan.



SEBAHAGIAN daripada tenaga akademik dan peserta lelaki dari universiti-universiti yang menyertai Perkhemahan Bahasa Arab Serantau Kali Pertama berkenaan.

Pemeriksaan suhu badan di pos kawalan dipergiatkan



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong ketika menghadiri Operasi Pemeriksaan Suhu Badan di Pos Kawalan Labu, Temburong.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Rabu, 5 Februari. - Dalam meningkatkan kewaspadaan mencegah jangkitan Coronavirus di negara ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat mengadakan Operasi Pemeriksaan Suhu Badan kepada pengunjung yang memasuki negara ini, iaitu di Pos Kawalan Imigresen Labu.

Operasi Pemeriksaan Suhu Badan di Pos Kawalan Labu,

Temburong dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Othman.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok; Penghulu-penghulu Mukim; dan Ketua-ketua Kampung.

Pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK)

mempunyai Standard Operating Procedure (SOP) bersama Kementerian Kesihatan untuk memastikan setiap pegawai dan kakitangan yang bertugas di mana-mana pos kawalan untuk memakai topeng atau *mask* yang disediakan.

Jika mana-mana pelancong yang dikenal pasti dan disyaki berpotensi dijangkiti virus berkenaan, atas nasihat Kementerian Kesihatan, mereka tidak akan dibenarkan masuk dan pelancong tersebut akan diarah tidak memasuki Negara Brunei Darussalam dari mana-mana pusat kawalan, malah pihak JIPK mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan jika sekiranya pelancong tersebut tidak mematuhi arahan-arahan yang diberikan.

Pihak Imigresen menasihati orang ramai yang ingin melancong agar menjauhi negara-negara yang sudah dijangkiti virus berkenaan bagi mengelakkan daripada dijangkiti.

Langkah berjaga-jaga mestilah dititikberatkan kerana pada masa ini tiada rawatan khusus bagi jangkitan Coronavirus dan juga tidak ada vaksin yang boleh mencegah jangkitan virus tersebut.

SUASANA ketika pegawai dan kakitangan yang bertugas melaksanakan Operasi Pemeriksaan Suhu Badan (atas dan bawah).



PK tanai tanggungjawab bersama



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Menanai dan menjaga kepentingan keselamatan awam daripada cengkaman jenayah merupakan antara matlamat utama Pengawasan Kejiranan (PK), di samping membantu meningkatkan taraf kualiti hidup bermasyarakat.

Ini adalah amat penting dalam menjayakan Program PK ke arah matlamat yang tepat dan fokus kepada keamanan dan kehidupan masyarakat.

Satu pendekatan dan dua operasi rondaan terus dikendalikan oleh Ahli-ahli PK bersama keanggotaan Balai-balai Polis.

Aktiviti PK tersebut diungkapkan oleh Focal Point PK Balai Polis Pusat bersama Pemangku Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Tungku, Gadong, Awang Haji Hassan bin Haji Ali baru-baru ini.

Sikap pemeduliaan dan sentiasa mengambil berat akan



RONDAAN akan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa bagi menghalang sebarang jenayah, sekali gus mengurangkan kadar jenayah di negara ini (atas dan atas kiri).

perkembangan sekitar kampung adalah antara agenda yang dibincangkan semasa sesi aktiviti pendekatan dijalankan.

Selain itu, kedua-dua pihak bersetuju bagi menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa, seterusnya menghalang daripada pencerobohan juga cengkaman daripada sebarang gejala-gejala jenayah.

Dua operasi rondaan PK turut dilaksanakan, iaitu melibatkan Balai Polis Kampung Ayer yang

diketahui oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Kampung Ayer, Inspektor Hamdan bin Mantul bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis serta beberapa Ketua Kampung di kawasan Kampung Sungai Bunga.

Sementara rondaan PK di Daerah Belait pula melibatkan PK Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga.

Sebelum rondaan dimulakan,

Sesi Taklimat Ringkas mengenai Objektif Rondaan dan Langkah-langkah Keselamatan dikongsikan.

Hasil rondaan tidak mendapati apa-apa kejadian yang mencurigakan atau unsur-unsur jenayah.

Program rondaan berkenaan akan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa bagi menghalang sebarang jenayah, sekali gus mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

Perketatkan langkah mencegah jangkitan 2019 n-CoV



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang- Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan hadir menyaksikan Operasi Pemeriksaan Suhu Badan di Pos Kawalan Sungai Tujuh (kiri). Manakala gambar kanan, operasi berkenaan adalah untuk memantau kemasukan orang luar melalui Pos Kawalan Sungai Tujuh.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

SUNGAI TUJUH, Rabu, 5 Februari - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan Coronavirus Baharu (2019 n-CoV) di China, peringkat serantau dan global.

Setakat ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut yang teruk dikesan di Negara Brunei Darussalam, berkaitan dengan jangkitan 2019 n-CoV.

Walau bagaimanapun, kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat membuat Operasi Pemeriksaan Suhu Badan di Pos Kawalan Sungai Tujuh.

Hadir menyaksikan Operasi

Pemeriksaan Suhu Badan di Pos Kawalan Sungai Tujuh, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud; dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

Semasa temu bual Pelita Brunei bersama Pengarah Kesihatan Alam Sekitar, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman menjelaskan, mengenai operasi berkenaan adalah untuk memantau kemasukan orang luar melalui Pos Kawalan Sungai Tujuh dan Labu, Temburong.

"Jika sekiranya orang berkenaan didapati mempunyai suhu badan tinggi dan ada membuat perjalanan dari China dalam tempoh 14 hari, individu berkenaan akan segera ditempatkan di bilik pengasingan yang disediakan oleh pihak Hal Ehwal Dalam Negeri di Pos Kawalan Sungai Tujuh sebelum dibawa ke Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait".

"Sejauh ini, Alhamdulillah virus berkenaan belum berlaku di negara ini, namun pencegahan adalah lebih baik dari merawat, orang ramai dinasihatkan untuk mengelakkan dari berkunjung ke China jika tidak perlu," jelas beliau.

Sementara pemeduliaan kepada penuntut-penuntut Brunei yang berada di China, beliau berkata, dalam sama-sama meningkatkan

lagi kewaspadaan dan langkah berjaga-jaga, Kementerian Pendidikan mengambil langkah bagi penuntut-penuntut yang berada di China dan sudah kembali ke Negara Brunei Darussalam adalah dinasihatkan untuk menjalani *self isolation* selama 14 hari.

Manakala dalam temu bual bersama Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Awang Shahrin bin Haji Mohd. Jawie berkata, berdasarkan perundingan yang dibuat pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat lebih kepada memberikan bantuan dari segi logistik dan sebagainya.

"Jika berlaku sebarang kemungkinan dan dikenal pasti persediaan seperti pusat-pusat kuarantin akan disediakan di

lokasi-lokasi yang bersesuaian," jelasnya.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan akan terus memastikan tahap kesiapsiagaan dan bekerjasama bersama pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga negara-negara jiran bagi mengawal keadaan jangkitan 2019 n-CoV. Manakala orang ramai di negara ini dinasihatkan supaya tidak berasa cemas dan panik.

Kementerian Kesihatan akan memaklumkan orang ramai dari masa ke masa mengenai sebarang perkembangan terkini dan apa jua langkah-langkah yang perlu dilaksanakan.

Maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi menerusi Talian Darussalam 123 atau laman Sesawang, www.moh.gov.bn.

Kerjasama masyarakat cegah jenayah melalui PK

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. - Peranan masyarakat merupakan penyumbang utama bagi merealisasikan hasrat sesebuah negara untuk menjadikan negara aman, makmur dan sejahtera.

Justeru itu, melalui perpaduan yang dibina bersendikan hati yang satu juga rangkaian kerjasama dan keprihatinan sesebuah komuniti masyarakat, seperti Pengawasan Kejiranan (PK) menjadikan nilai tambah kepada keselamatan yang aman lagi harmoni.

Sehubungan itu, menurut Siaran Akhbar Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada Selasa, 4 Februari lalu, beberapa buah kampung di negara ini giat mengikut aktiviti di bawah Program PK anjuran PPDB yang menurus kepada pendekatan dan rondaan pencegahan jenayah.

Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan; Balai Polis Berakas; dan Balai Polis Limau Manis melalui Ahli Focal Point Balai membuat

pendekatan bersama Ketua-ketua Kampung di bawah tadahan balai masing-masing, antaranya Kampung Menglait; Kampung Kiulap, Mukim Gadong 'B'; Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B'; dan Kampung Bebuloh.

Manakala satu perjumpaan bersama Ahli PK RPN Panaga, Seria dijalankan oleh keanggotaan Balai Polis Panaga, di mana perisian menjurus kepada penjelasan akan tujuan PK diwujudkan dan hala tuju bagi mencapai hasrat bagi mencegah juga membanteras kegiatan jenayah di negara ini, di samping perbincangan mengenai aktiviti-aktiviti akan datang yang bakal dirancang berhubung PK.

Diharap dengan pendekatan sedemikian dapat mewujudkan dan mempertingkatkan lagi perhubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat awam bagi memberikan kefahaman



BEBERAPA buah kampung di negara ini giat mengikut aktiviti di bawah Program PK anjuran PPDB yang menurus kepada pendekatan dan rondaan pencegahan jenayah.

sepenuhnya untuk membasmi juga membenci jenayah.

Bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara tidak akan terjejas akibat pengaruh aktiviti jenayah, Balai Polis Bangar bersama Ahli PK Kampung Selangan, Mukim Amo turut mengadakan rondaan pencegahan jenayah, tertumpu di kawasan Kampung Parit 'A' dan 'B'; Kampung Sibulu; Jeti penurunan Perahu Jalan Ang Ping Hui Quarry; Temburong Quarry; Puni Quarry;

dan Kampung Biang.

Rondaan pencegahan jenayah malam itu, diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Bangar, Inspektor Muhd. Ajib bin Haji Ahmad Awal; dan Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Bangar, Inspektor Polis Percubaan Iman Aqilah Fikriah binti Haji Mohd. Shafiee bersama dua anggota balai.

Manakala Ahli PK diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Selangan, Awang Dulamit bin

Burut bersama tiga orang Ahli PK Selangan Mukim Amo.

Usaha praktikal ini diharap boleh membantu menangani masalah jenayah dengan menggunakan pendekatan pencegahan jenayah berorientasikan komuniti yang dikendalikan pada waktu siang ataupun malam.

Sepanjang rondaan dijalankan tidak ada menemukan sebarang kegiatan yang mencurigakan dan berbau jenayah.

Festival sempena Jubli Emas Penubuhan Pusat Belia



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama mantan Penyelia Pusat Belia Pertama, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu memotong kek sempena Perasmian Festival Jubli Emas Pusat Belia (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan meneliti busur yang digunakan oleh Ahli-ahli Kelab Memanah Setia Bersatu yang mengadakan pameran pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Pelbagai acara telah disusun bagi memeriahkan Festival Jubli Emas Pembukaan Bangunan Pusat Belia (PB) di ibu negara yang bermula pada hari ini hingga Ahad, 9 Februari 2020.

Antara pengisian festival berkenaan adalah persembahan pentas dan pameran, jual-jualan, permainan tradisi, kursus serta bengkel kecantikan, demonstrasi masakan, sukan dan rekreasi, aktiviti kolam renang, sesi perbincangan, Basic IT, Kelas Bacaan Al-Quran serta aktiviti keusahawanan.

Sehubungan itu, majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, di Dewan Riadah, pusat berkenaan.

Sejurus selepas perasmian, tetamu kehormat menyampaikan barangan bantuan 'Projek Berbagi Rezeki' untuk mangsa kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat selaku Pengerusi Majlis berkata, penyelarasan dan pengendalian aktiviti-aktiviti ini memerlukan kerjasama yang padu juga penglibatan daripada banyak pihak, termasuk pihak kerajaan, *event management* dan kumpulan belia, termasuk Ahli-ahli Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT).

Dengan adanya festival ini tambahnya, masyarakat khususnya

ANTARA yang hadir pada Festival Jubli Emas Pembukaan Bangunan Pusat Belia itu.

para belia berpeluang untuk mengetahui secara dekat akan program - program yang ditawarkan dan memaksimumkan penggunaan kemudahan yang disediakan sebagai wadah perkumpulan belia di bangunan

berkenaan.

Festival dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sebagai mengimbangi kembali ristaan sejarah 50 Tahun Pembukaan Pusat Belia pada 20

Disember 1969, di mana penubuhannya sebagai platform bagi belia untuk menjalankan aktiviti juga program kebeliaan, sekali gus mengembangkan lagi potensi belia secara positif di negara ini.



Pemerintah ABDB terima kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud menerima kunjungan hormat daripada Panglima Tentera Darat, Angkatan Tentera Republik Singapura, Mejar Jeneral Goh Si Hou. Turut hadir, Ketua Staf ABDB dan Pengarah Perisikan.

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menerima kunjungan hormat daripada Panglima Tentera Darat, Angkatan Tentera Republik Singapura, Mejar Jeneral Goh Si Hou.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Semasa kunjungan tersebut, Pemerintah ABDB melahirkan rasa penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh Angkatan Tentera Republik Singapura, termasuk interaksi yang kerap melalui latihan ketenteraan dan kursus.

Kedua-dua belah pihak mengakui bahawa Eksekutif MAJU BERSAMA 24/2020 yang sedang berlangsung berperanan sebagai landasan yang kredibel dalam memupuk kepercayaan, membina keyakinan dan keboleheroperasian di antara kedua buah negara dan meningkatkan tahap keselamatan melalui pertukaran kepakaran dan dialog dua hala.

Pemerintah ABDB kemudiannya mengalu-alukan apa jua peluang kerjasama yang menguatkan lagi hubungan antara Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dan Tentera Darat Republik Singapura.

Mejar Jeneral Goh Si Hou berada di Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Majlis Penutup Eksekutif MAJU BERSAMA 24/2020, eksekutif dua hala yang melibatkan anggota tentera daripada Batalion Pertama TDDB dan 3rd Battalion Singapore Infantry Regiment (3 SIR SAF) Tentera Darat Republik Singapura. Majlis tersebut diadakan pada 6 Februari 2020.

NBD - Republik Singapura kukuhkan diplomasi pertahanan



PANGLIMA Tentera Darat Singapura dan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) bertukar-tukar cenderahati semasa Upacara Penutup Ekseksais MAJU BERSAMA Siri 24 / 2020 (atas), sementara gambar kanan, upacara dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan.



TUTONG, Khamis, 6 Februari. - Upacara Penutup bagi Ekseksais MAJU BERSAMA Siri 24 / 2020 berlangsung di FIBUA Village, Penanjong Garison.

Ekseksais tersebut bermula pada 30 Januari hingga 6 Februari 2020.

Ekseksais tersebut melibatkan seramai 121 anggota daripada 3 Singapore Infantry Regiment (3 SIR) Tentera Darat Republik Singapura dan 123 anggota daripada Kompeni 'B', Batalion Pertama Tentera Darat Diraja

Brunei (TDDB), yang diketuai oleh Mejar Yusddy Affendy bin Haji Amran.

Majlis penutup disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat Singapura, Mejar Jeneral Goh Si Hou dan Pemerintah TDDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Khairul Hamed bin Awang Haji Lampoh.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan Markas TDDB, Pegawai-pegawai Pemerintah Batalion dan wakil daripada Tentera Darat Singapura.

Upacara dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan, penyerahan balik bendera kepada Kompeni 'C', 3 SIR, diikuti dengan ucapan penutup daripada tetamu-tetamu kehormat majlis.

Upacara diakhiri dengan pertukaran cenderahati dan bergambar ramai.

Semasa upacara tersebut, demonstrasi serangan akhir juga mempamerkan serangan bersepadu bagi menumpaskan pihak musuh dan penggunaan aset-aset dalam melaksanakan misi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

serangan bersama untuk menghadapi cabaran yang semakin kompleks.

Ekseksais MAJU BERSAMA Siri 24 / 2020 terus menjadi landasan penting bagi mengukuhkan diplomasi pertahanan dan kerjasama ketenteraan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Ia juga membolehkan pengintegrasian kedua-dua tentera dalam pergerakan di atas tanah untuk menaik taraf kerjasama di antara kedua belah pihak juga memberi peluang untuk melatih dan meningkatkan kemahiran anggota tentera kedua-dua negara dalam perancangan dan pelaksanaan operasi infantri.

مقرر كنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قرغن


Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

JPD - JPJ tingkat kerjasama dua hala



MESYUARAT dua hala di antara Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negara Malaysia.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Dalam usaha untuk memperkukuh dan mempertingkatkan jalinan kerjasama strategik di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia khususnya dalam sektor pengangkutan, satu mesyuarat dua hala di antara Jabatan

Pengangkutan Darat (JPD) Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negara Malaysia, diadakan di Ibu Pejabat JPD, di sini.

Semasa mesyuarat tersebut, Pengarah JPD, Haji Rozaly bin Haji Saidon selaku Pengerusi Bersama menyatakan mengenai

kerjasama dua hala di antara NBD dan Negara Malaysia, khususnya dalam bidang penguatkuasaan pengangkutan melalui perbincangan dan perkongsian kaedah - kaedah serta amalan-amalan terbaik.

Selain itu, kerjasama strategik ini diharap akan dapat mengongsikan perkembangan-perkembangan terkini mengenai dasar pengangkutan, perjalanan atau mobiliti kenderaan-kenderaan



PENGARAH JPD Negara Brunei Darussalam.



KETUA Pengarah JPJ Negara Malaysia.

pengangkutan, seterusnya diharap akan dapat memantapkan lagi pentadbiran sektor pengangkutan di antara kedua-dua negara.

Sementara itu dalam ucapan balas Ketua Pengarah JPJ Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Shahrudin bin Khalid selaku Ketua Delegasi menyentuh mengenai sejarah mesyuarat dua hala yang bermula sejak dua tahun yang lalu, telah membuahkan hasil bersama dengan pelbagai pembaharuan di kedua-dua pihak, sama ada dalam aspek teknikal juga perundangan pengangkutan.

Yang Berbahagia Dato' Sri Shahrudin turut menyatakan harapan Malaysia untuk terus bekerjasama melalui JPJ dan JPD akan dapat diteruskan dan

dikekalkan dari semasa ke semasa bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit, khususnya dalam pengangkutan di kawasan sempadan kedua-dua negara.

Delegasi daripada Malaysia turut disertai oleh Pengarah Bahagian Perlesenan JPJ, Yang Berbahagia Dato' Mohd. Rusdi bin Mohd. Darus; Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JPJ, Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nasir bin Abdul Ghani dan Setiausaha Politik bagi Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia Dato' Mohamad Dahlan Md. Maamor.

Manakala daripada NBD dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan JPD dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

82 kesalihan dicatat bagi Januari 2020!

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. - Sejumlah 82 kesalihan di bawah Perintah Tembakau 2005 telah dicatatkan bagi bulan Januari 2020.

Kesalahan-kesalahan tersebut termasuk 80 kesalihan di bawah Bab 14(2), iaitu merokok di tempat yang ditegah, satu kesalihan di bawah Bab 10(1), iaitu merokok di kalangan remaja di bawah umur 18 tahun dan satu kesalihan di bawah Bab 12(3) iaitu kesalahan menjual produk tembakau tanpa mempunyai lesen tembakau. Kesemua mereka dikenakan tindakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Tembakau 2005.

Daripada keseluruhan jumlah kesalihan bagi bulan ini, 70 daripadanya adalah lelaki dan 12 orang wanita.

Dalam pada itu, Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan bersama dengan Unit Operasi, Bahagian Komersial dan Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah melaksanakan 'Ops Pajah 1/2020' pada 27 Januari 2020 dalam usaha berterusan membanteras kegiatan merokok di kawasan bangunan kerajaan dan perniagaan Bandar Seri Begawan.

Hasil daripada 'Ops Pajah 1/2020' berkenaan, Unit Penguatkuasaan Kesihatan telah mencatatkan sebanyak lima kesalihan (daripada 82 kesalihan di sepanjang bulan Januari).

Empat daripadanya adalah kesalihan di bawah Bab 14(2) Perintah Tembakau 2005 iaitu merokok / vaping di tempat-tempat yang ditegah, satu

kesalihan di bawah Bab 12(3) Perintah Tembakau 2005, iaitu menjual produk tembakau tanpa lesen tembakau dan kesemua pesalah dikenakan denda kompaun.

Manakala Unit Operasi, Bahagian Komersial dan Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pula mencatatkan sebanyak tujuh tangkapan di bawah Perintah Eksais 146(1) (d) semasa 'Ops Pajah 1/2020' berkenaan dilakukan. Jika sabit kesalihan di mahkamah, denda minima sebanyak BND5,000 akan dikenakan ke atas pesalah yang membawa rokok seludup atau pesalah gagal memberikan bukti pembayaran cukai rokok dalam miliknya.

Perintah Tembakau 2005 dan Peraturan-peraturannya memperuntukkan larangan merokok di tempat-tempat awam.

Larangan tersebut adalah bertujuan untuk mengawal tabiat merokok juga melindungi orang awam daripada terdedah kepada asap rokok.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan tindakan di bawah Perintah tersebut, tindakan tegas terhadap mereka yang didapati merokok di tempat-tempat yang ditegah akan diambil oleh Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan dengan mengenakan denda kompaun sebanyak BND300 bagi kesalihan pertama.

Sementara itu, denda kompaun sebanyak BND500 pula akan dikenakan kepada sesiapa yang didapati melakukan kesalihan kali kedua dan seterusnya.

Perintah Tembakau 2005 juga

mengkehendaki pengurus premis-premis, di mana merokok adalah ditegah untuk mempamerkan notis-notis larangan merokok di tempat-tempat yang mudah dilihat serta melakukan tanggungjawab mereka dalam memastikan pelanggan dan orang awam tidak merokok di kawasan tempat ditegah merokok di bawah kawalan mereka, sebagaimana yang dinyatakan di bawah Bab 15 Perintah Tembakau 2005.

Pengurus premis yang gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut boleh dikenakan denda sebanyak BND500 bagi kesalihan pertama dan seterusnya.

Antara kawasan-kawasan awam yang ditegah merokok, termasuklah Bangunan-bangunan Kerajaan, kaki-lima kedai, pusat membeli belah, pasar, gerai, tamu, stesen bas, perhentian bas, restoran, kedai makan dan di dalam lingkungan enam meter dari garis bangunan.

Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan akan sentiasa melakukan operasi pemantauan bagi kesalihan-kesalihan di bawah Perintah Tembakau 2005 dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan dan mengeluarkan saman-saman kompaun kepada sesiapa juga yang didapati melanggarnya.

Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan aduan daripada orang ramai dalam usaha membanteras kesalihan yang dilakukan di bawah Perintah Tembakau 2005.

Orang ramai boleh menghubungi Unit Penguatkuasaan Kesihatan melalui talian hotline +673 7192005 atau e-mel ke health.enforcement@moh.gov.bn.

Curi kabel, penjara 12 bulan



MOHD. Azwa'an bin Karim, berumur 21 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Seorang lelaki tempatan yang didakwa dengan pertuduhan curi dan merosakkan harta bangunan, dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan.

Siasatan daripada keanggotaan Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) membawa kepada penahanan suspek, bernama Mohd. Azwa'an bin Karim, berumur 21 tahun yang dipercayai terlibat melakukan kegiatan jenayah berkenaan di salah sebuah restoran di kawasan Berakas.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Daripada penemuan siasatan melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati suspek dipercayai menyungkit pintu kabel elektrik menggunakan alat pemotong yang tajam, lalu memotong dan mengambil kabel elektrik tersebut.

Kabel - kabel tersebut kemudiannya dijual di bengkel besi buruk di kawasan Kampung Burong Pingai, Berakas dengan harga BND50. Hasil daripada perbicaraan, pihak mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama 12 bulan, atas dakwaan di bawah Seksyen curi 379 dan rosak barang 426 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 yang bermula, 6 Februari 2020, di Penjara Maraburong.

PPDB menyeru kepada orang ramai agar sentiasa memberikan kerjasama ataupun tampil ke mana-mana Balai Polis untuk mengongsikan sebarang maklumat yang berbentuk tindakan segera, siasatan, pencegahan mahupun pambanterasan.

Dengan penyaluran maklumat yang berharga seperti yang akan memberi kesan yang tinggi dalam penurunan kadar jenayah di negara ini.

Ketengahkan budaya, seni Brunei



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika hadir selaku tetamu kehormat pada acara 'Traditional Gulintangan Fusion Night'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. - Dalam usaha untuk mengetengahkan bakat-bakat belia dalam bidang seni dan kebudayaan, Festival Jubli Emas Pusat Belia diteruskan lagi dengan acara 'Traditional Gulintangan Fusion Night' yang diadakan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, di sini.

Acara yang melibatkan lebih daripada 60 peserta dan sukarelawan belia tersebut dianjurkan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) yang turut dijayakan oleh Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Mariam dan juga artis tanah air iaitu Lehin Titanz.

Persembahan pada malam tersebut menampilkan lagu-lagu

tradisional dan moden yang dimainkan secara *fusion*, selain turut mempersembahkan lagu-lagu dan tarian antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi Binti Haji Wahsalfelah.

Acara tersebut antara lain bertujuan memupuk semangat para

belia agar lebih berkecimpung dalam bidang seni dan kebudayaan, selain untuk memberikan perhatian kepada kanak-kanak istimewa agar mereka tidak merasa disisihkan.

Acara tersebut menampilkan bahawa belia kitani berani untuk menceburi dan mempersembahkan budaya dan seni Brunei, serta mempunyai sikap pemeduliaan kepada kanak-kanak istimewa.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



ANTARA yang hadir menyaksikan persembahan tersebut (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian daripada persembahan yang diketengahkan oleh para belia kitani.



19 sertai Bengkel Permainan Gulintangan

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Jumaat, 7 Februari. - Majlis Perundingan Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo Daerah Temburong mengendalikan Bengkel Permainan Gulintangan Kali Pertama, yang diadakan di Dewan Serbaguna Bumiputera Kompleks, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Hadir pada majlis tersebut, Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Khairul Shahrol bin Haji Duahim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok;

Penghulu-penghulu Mukim; dan Ketua-ketua Kampung.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, dipimpin oleh Bilal Masjid Kampung Selangan, Awang Khairulrizan bin Ibrahim.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pengerusi Bengkel, Pemangku Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Dulamit bin Burot.

Seterusnya ialah perasmian Bengkel Permainan Gulintangan oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Khairul Shahrol.

Bengkel disertai oleh 19 peserta

lelaki dan diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 9 Februari.

Bengkel tersebut merupakan salah satu inisiatif Majlis perundingan Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo Daerah Temburong bagi memberikan peluang, khusus kepada belia-belia Daerah Temburong atau penduduk-penduduk kampung dalam mempelajari tradisi yang diwarisi sejak zaman berzaman oleh orang-orang Brunei.

PENOLONG Pegawai Daerah Temburong ketika merasmikan Bengkel Permainan Gulintangan.



BENGGEL disertai oleh 19 peserta lelaki dan diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 9 Februari (kiri), sementara gambar kanan, sebahagian daripada yang hadir pada Perasmian Bengkel Permainan Gulintangan Kali Pertama.

Produktiviti pelajar terus dipertingkatkan



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Dalam usaha untuk membimbing dan memberi kesedaran khususnya kepada pelajar terhadap tanggungjawab mereka dalam menimba ilmu dan memupuk bakat dalam mengembang kemahiran juga

YANG berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Pengasas dan CEO P.I Academy.

meningkatkan pengetahuan, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) telah mengadakan Program Inspirasi dan Motivasi Bagi Pelajar (Inspirational and Motivational Programme For Students - IMPETUS).

Program IMPETUS adalah sebuah projek Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR), diusahakan oleh Perspective Insan (P.I) Academy yang diketuai oleh Ahli

Majlis Mesyuarat Negara, Yang berhormat Iswandy bin Ahmad selaku Pengasas dan CEO P.I Academy.

Pada acara yang berlangsung di Dewan Kuliah, institut berkenaan, Yang Berhormat turut menyampaikan ceramah mengenai program tersebut.

Diantara objektif program itu ialah membimbing dan memberi kesedaran kepada pelajar terhadap tanggungjawab mereka sebagai pelajar dalam menimba ilmu pengetahuan; dan memupuk bakat dengan mengembangkan kemahiran juga meningkatkan

pengetahuan.

Program yang bertujuan untuk menolong kumpulan sasaran dalam membuat pilihan rasional bagi meningkatkan produktiviti dan juga mencapai kejayaan, turut dihadiri oleh pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan juga pelajar-pelajar ITQSHHB.

Program tersebut diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator dan diikuti dengan doa penutup yang dibacakan oleh penuntut Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB, Awang Mohammad Shahzarol Ikram bin Zaidi.



PARA pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) hadir pada Program Inspirasi dan Motivasi Bagi Pelajar IMPETUS (kiri dan kanan).

Memperkasa, memartabatkan tulisan Jawi



MUZAKARAH Mendaulatkan Tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam yang dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Fenomena hilangnya tulisan Jawi di negara luar memperkuat lagi akan keperluan bagi Negara Brunei Darussalam untuk terus mengukuhkan dan mengembang tulisan Jawi.

Perkara itu ditekankan semasa Muzakarah Mendaulatkan Tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam yang dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha dan kesinambungan daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Konvokesyen KUPU SB Ke-9 lalu.

Sebagai langkah dalam mendukung hasrat dan seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu agar pusat-pusat pengajian tinggi untuk bergerak bersama dalam membantu mendaulatkan warisan tulisan Jawi, KUPU SB melalui Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath telah mengadakan muzakarah khas

tersebut bersama dengan perwakilan-perwakilan daripada Universiti Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Adat istiadat, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah, Pusat Dakwah Islamiah bagi sama-sama membincangkan perkara berkaitan dengan tulisan Jawi.

Muzakarah yang berlangsung di KUPU SB itu turut membincangkan salah satu agenda antaranya bagi mengenal pasti sama ada terdapat ketetapan rasmi mengenai penggunaan tulisan Jawi dalam penyuratan dan sistem ejaan Jawi dalam jabatan dan bahagian perwakilan masing-masing.

Dr. Haji Abang Hadzmin juga merumuskan isu penyelarasan sistem tulisan Jawi hampir selesai

dan sedang memerlukan beberapa penelitian untuk perbaiki dari semasa ke semasa.

"Alhamdulillah penyelarasan tersebut menunjukkan satu perkembangan yang positif," jelasnya.

Menerangkan mengenai penubuhan pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath KUPU SB yang telah diisytiharkan oleh Kebawah DYMM tahun lalu, Timbalan Pengarah pusat itu, Awang Haji Muhammad Shahrul Azmi bin Haji Abdul Mulok, misi dan visi pusat itu termasuk untuk menjadi sebuah pusat sumber Jawi dan kitab Turath yang bermatlamat bagi memperkasakan dan memartabatkan tulisan Jawi dan pengajian kitab Turath sama ada dalam penggunaan, penjagaan, penyelarasan, perkembangan dan penyebaran di negara Brunei Darussalam, serantau dan antarabangsa.

Selain itu, tambahnya, bagi mengembang luaskan budaya penyelidikan Jawi dan kitab Turath dalam kalangan tenaga akademik KUPU SB khususnya dan para intelektual serta ahli-ahli akademik agama umumnya. Pusat berkenaan diharap akan menjadi sebuah pusat koleksi data dan maklumat serta bahan-bahan rujukan Islam berhubung Jawi serta kitab Turath yang dibukakan untuk para akademik dan orang awam.

Berkaitan dengan kitab Turath, pusat berkenaan bermatlamat untuk menyediakan khidmat kitab Turath bagi semua pelajar dan orang ramai, menjalankan



PEMANGKU Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) semasa berucap.

penyelidikan dan kajian naskah-naskah kitab Turath melayu baik yang masih berbentuk manuskrip mahupun sudah berwujud kitab Turath bersama dengan institusi-institusi di Negara Brunei Darussalam.

Tulisan Jawi merupakan khazanah negara yang agung yang perlu dijaga dan dipertahankan khususnya di negara ini sebagai sebuah negara melayu yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara dan berfalsafah Melayu Islam Beraja seperti yang ditekankan dalam titah Kebawah DYMM bersempena Majlis Pertandingan membaca al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada 14 Januari 1991 lalu.

UTB eV House dilancar semula

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

TUNGKU LINK, Khamis, 6 Februari. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) melancarkan semula ITB Low Energy House yang akan digunakan sebagai ruang bagi para penyelidik universiti berkenaan membangunkan pelbagai aktiviti kajian.

Rumah yang kini dikenali dengan nama UTB Energy Saving House atau UTB eV House itu akan digunakan bagi mendukung kajian, antaranya dalam bidang pengurusan tenaga bagi kediaman, teknologi tenaga hijau, teknologi instrumentasi, kejuruteraan struktur, rekaan dalaman dan pertanian pintar.

Pelancarannya disempurnakan oleh Naib Canselor UTB, Profesor



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) mendengarkan penerangan pada Pelancaran semula ITB Low Energy House.

Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat majlis.

Pengarah Pusat bagi Kejuruteraan Inovatif (CIE), UTB, Profesor Madya Somnuk Phon-Amnuaisuk berkata, rumah itu digunakan sebagai medium terpusat (*centralized medium*) bagi para penyelidik UTB dan ahli akademik daripada pelbagai disiplin untuk membina rangkaian dan bekerjasama bagi projek penyelidikan dan idea inovasi yang berpotensi.

"Ia juga dapat digunakan sebagai medium untuk mempamerkan aktiviti penyelidikan UTB kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran, seperti industri, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan bagi menarik tawaran dana.

"Kami menggalakkan para penyelidik dan pelajar UTB menggunakan rumah itu sebagai

platform, dan melihatnya sebagai kanvas kosong, sebagai modal asas untuk berinovasi secara kreatif juga menggunakan rumah berkenaan hingga ke penggunaan yang optimum," katanya pada majlis pelancaran tersebut.

Pada masa ini, beberapa aktiviti penyelidikan diusahakan, termasuk penyelidikan mengenai sistem pengurusan tenaga bagi mengoptimalkan penggunaan tenaga di rumah; dan pertanian pintar termasuk kajian mengenai hidroponik organik menggunakan material yang terdapat di negara ini.

ITB Low Energy House yang terletak di Blok Kejuruteraan, Fasa 1, UTB itu dibina pada tahun 2005 bagi kerja penyelidikan mengenai teknologi tenaga rendah, terutama dalam penggunaan tenaga solar dan material pembinaan bertenaga rendah.



ANTARA yang hadir memeriahkan majlis itu (atas), sementara gambar bawah, ITB Low Energy House terletak di Blok Kejuruteraan, Fasa 1, UTB.



PENGARAH Pusat Kejuruteraan Inovatif (CIE), UTB.

Jasa bakti, tanggungjawab setiap warga kampung diperlukan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

MENTIRI, Jumaat, 7 Februari. - Perancangan atau kegiatan / aktiviti yang dirancang atau dilaksanakan perlulah mengambil kira buah fikiran, perasaan dan kesejahteraan penduduk kampung.

Memang tidak dinafikan adalah susah untuk memuaskan keseluruhan penduduk kampung dan apa yang perlu adalah semua ahli atau penduduk kampung untuk menyokong dan mendukung sebarang keputusan atau aktiviti yang diambil atau ditetapkan semasa permuakarah bersama Ketua

Kampung / Majlis Perundingan Kampung (MPK) dengan penduduk kampung.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim seterusnya menekankan peradaan mahu menghulurkan jasa dan bakti kepada kesejahteraan kampung serta rasa tanggungjawab dalam sama-sama memajukan kampung adalah perkara yang perlu ada kepada setiap warga kampung dalam sama-sama memupuk semangat kejiranan dan kenegaraan dan memastikan negara kita sentiasa makmur dan mempunyai

perekonomian yang mempunyai nilai dan berdaya tahan.

Awang Misle juga berharap dengan penyelarasan pelantikan Majlis Perundingan Kampung ini meningkatkan perpaduan dan semangat kejiranan dalam sama-sama melaksanakan apa jua perancangan pembangunan masyarakat, khususnya di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau.

"Perancangan dan pelaksanaan apa-apa jua aktiviti perlulah peka dengan keadaan persekitaran sama ada dari segi kewangan, buah

fikiran dan tenaga.

Ia tidak perlu dilaksanakan secara berskala besar, apa yang penting ianya mempunyai impak yang besar dan mendalam untuk membangkitkan perasaan atau semangat bernegara, berkampung, berjiran dan sama-sama memastikan keharmonian dan kesejahteraan penduduk", tegasnya.

Majlis Penyampaian Sijil Ahli Jawatankuasa Tertinggi (AJKT) dan Biro-biro Majlis Perundingan Kampung RPN Kampung Panchor Mengkubau berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Dato

Mohd. Yassin, RPN Kg. Mentiri, di sini.

Terdahulu, Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Mohammad Helmy bin Haji Ahmad dalam alu-aluannya, antara lain menjelaskan seramai 11 orang ahli dilantik yang terdiri daripada lima AJKT dan enam ahli dilantik sebagai Ketua-ketua Biro bagi Sesi 2019 - 2023.

Pemangku Pengerusi MPK juga berharap semua ahli agar sentiasa bekerjasama dan sentiasa merujuk kepada AJKT sebelum aktiviti dijalankan dan juga menyediakan garis panduan kerja sebagai rujukan ahli-ahli bagi kesempurnaan perjalanan permohonan dan aktiviti yang dirancang.

Biro-biro dan ahli-ahlinya dibentuk bagi pengemaskinian dan kesempurnaan perancangan atau apa jua aktiviti yang dilaksanakan yang terdiri daripada dua Ahli bagi Biro Bencana dan Keselamatan; Biro Keagamaan seramai dua ahli; tujuh Ahli Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan; seorang Biro Media dan Publisiti; 10 Ahli Biro Perekonomian; juga Biro Wanita seramai lapan ahli.

AJKT MPK tersebut telah selesai dilantik pada awal bulan September dan disusuli pula dengan pelantikan Biro-biro dan ahli-ahli dengan tarikh yang berasingan.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara (lima, kanan) bergambar kenangan bersama para Ahli baharu Jawatankuasa Tertinggi (AJKT) dan Biro-biro Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau bersama sijil masing-masing pada majlis berkenaan.

IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM



MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 11/02/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 08 FEBRUARI 2020
TARIKH TUTUP : 22 FEBRUARI 2020**

<p>1. PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/005/08</p>	<p>2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/005/03</p>
<p>3. PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = TIGA (03) 2020/005/02</p>	<p>4. FOREMAN BENGKEL D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI KEKOSONGAN =SATU (01) 2020/004/09</p>

**PERATURAN 38(A)
BILANGAN IKLAN 07/2020 (SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 08 FEBRUARI 2020
TARIKH TUTUP: 22 FEBRUARI 2020**

<p>1. AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/005/10</p>
--

**PERATURAN 38(B)
BILANGAN IKLAN: 08/2020 & 09/2020(SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/ jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**TARIKH IKLAN: 08 FEBRUARI 2020
TARIKH TUTUP: 22 FEBRUARI 2020**

<p>1. KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (KIMIA HAYAT) M.15 (BAHAGIAN II) JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/005/01</p>	<p>2. JURUPULIH ANGGOTA KANAN M.14 EB.15 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/005/04</p>
---	---

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan shortlisting, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : V & VI SAHAJA KATEGORI : [KA01]

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
25 FEBRUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 06 / 2020**

**NAMA PROJEK :
MEMBAIKI TAMBAK JALAN SUSUR
DI JALAN LUMAPAS**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI



NOTIS SEBUT HARGA

**TENDER NO. :
RTB / K / 200 / 19 - 20
SUPPLY, REPLACE, TESTING & COMMISSIONING OF TWO (2) UNITS OF 5HP UNDERCEILING - TYPE (BRAND CARRIER, PANASONIC OR GENERAL) AND ONE (1) UNIT OF 2.5HP SPLIT-TYPE (BRAND CARRIER, PANASONIC OR GENERAL) AIR-CONDITIONER FOR OLD BUILDING RTB TRANSMITTER, BUKIT SUBOK**

**Bayaran tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :
Rabu, 12 Februari 2020 (jam 2.00 Petang)**

**Bilangan Tawaran :
(56) BKN(A) / PENT / 55 PT.5**

**TAWARAN BAGI :
MEMBEKALKAN CATUAN MAKANAN BAGI PUSAT AL-ISLAH, BIRO KAWALAN NARKOTIK, JABATAN PERDANA MENTERI SELAMA 2 TAHUN (24 BULAN)**

**TARIKH TUTUP :
Selasa, 10 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang**



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0013 / 2020**

**TAJUK SEBUT HARGA :
'REPAIR WORKS FOR DISMANTLE AND RE-INSTALL OF CARPARK GARAGE INCLUDING OFFICE AREA AT DEPARTMENT OF FISHERIES'**

**TARIKH TUTUP :
Isnin, 10 Februari 2020
jam 2.00 Petang**



BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI





UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

JAWATAN KOSONG UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

**JAWATAN : PEGAWAI UGAMA
TANGGA GAJI : UB.1 EB.2
(BND2,450.00 - BND4,240.00)
KEKOSONGAN : 1 ORANG
JABATAN : UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah kelebihan.

c. Lelaki beragama Islam.

d. Fasih membaca Al-Quran dan Doa-Doa Pilihan.

e. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

f. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

a. Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kerohanian dan kemasyarakatan seperti kelas-kelas fardu 'ain dan fardu kifayah, bimbingan membaca Al-Quran, khidmat nasihat keagamaan, bengkel, seminar, khidmat masyarakat dan program bagi meraikan hari-hari kebesaran Islam.

b. Bertanggungjawab keatas keperluan, kemudahan dan peralatan bagi aktiviti kerohanian termasuklah tempat-tempat ibadah di Universiti.

c. Mengeluarkan dan menerbitkan risalah-risalah panduan dan risalah-risalah kenyataan yang berkaitan dengan keagamaan.

d. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

MENGHADAPKAN PERMOHONAN

1. Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan di bawah ini :

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScHU6V0drcQnNbYm_9sppPjzuN8syVsHqJSn8CLSqaNTtyr1Q/viewform?usp=sf_link

DAN

2. Melengkapkan borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam atau borang dimuat turun melalui <https://ubd.edu.bn/assets/Documents/UBD-ADMIN7%20Borang%20P1.doc>. Borang-borang permohonan (*hard copy*) yang telah diisi dengan lengkap beserta dengan salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan **tidak lewat pada 22 Februari 2020** alamat berikut :

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK
GADONG, BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN &
SUMBER TENAGA MANUSIA)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut :

**1) SATU LAPORAN SULIT
2) SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH
3 TAHUN KEBELAKANGAN
(SEKURANG-KURANGNYA SANGAT
BAIK)
3) SATU SALINAN REKOD
PERKHIDMATAN / REKOD
PERKHIDMATAN GEMS YANG TELAH
DIKEMASKINIKAN.**

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

Tarikh Iklan : 22 Januari 2020

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

**JAWATAN :
KETUA JURUTEKNIK MAKMAL
TANGGA GAJI : C.3-4 EB.5
(BND1,990.00 - BND2,970.00)
KEKOSONGAN : 1 ORANG
JABATAN : UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

a. Mempunyai pengetahuan tentang

kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b. i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Sains, Pengurusan Makmal atau bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang sama adalah kelebihan.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Juruteknik Makmal Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan jawatan.

ATAU

iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan jawatan.

c. Berpengalaman dalam kerja-kerja makmal sains di peringkat universiti adalah keutamaan.

d. Berkebolehan dalam mengendalikan Boat dan peralatan menyelam (Diving Equipment) adalah menjadi keutamaan. Mempunyai Lesen mengendalikan Boat kelas 9 terhad dan mempunyai Sijil 'PADI Open Water Diver' adalah juga menjadi keutamaan.

e. Mempunyai pengetahuan mengenai hal ehwal 'Biological Safety' adalah juga menjadi satu keutamaan. Pernah menghadiri kursus Kesihatan dan Keselamatan seperti Pertolongan Cemas (First Aid Course) dan lain-lain yang berkaitan dengan keselamatan dalam makmal adalah satu kelebihan.

f. Berkebolehan dalam pengendalian peralatan makmal Biologi seperti Autoclave, Ultra-centrifuge dan Microtome adalah satu kelebihan.

g. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

a. Menyelia kakitangan teknikal makmal yang di bawah tanggungannya.

b. Menyediakan senarai keperluan-keperluan makmal (*departmental orders / requirements*) yang hendak dibeli setiap semester.

c. Menyediakan dan menyimpan rekod-rekod peralatan dan barangan (*inventory*) yang telah diterima dan digunakan di makmal. Ini

termasuk juga memantau dan mengawal penggunaan barang-barang guna habis supaya sentiasa cukup dalam simpanan.

d. Membuat kerja-kerja pemeliharaan asas dan baik pulih ke atas peralatan-peralatan saintifik makmal.

e. Membantu Penguasa Pemeliharaan Peralatan dalam menyediakan perangkaan perbelanjaan tahunan.

f. Membantu Penguasa Pemeliharaan Peralatan mengendalikan sebarang latihan kepada semua kakitangan Teknikal Makmal jika ada keperluan.

g. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

MENGHADAPKAN PERMOHONAN

1. Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan di bawah ini :

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScxd1e9CFudCmQ7OvK9FMPLg3j12QbkPN13QP7H9OuWYni2w/viewform?usp=sf_link

DAN

2. Melengkapkan Borang P3 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam atau borang dimuat turun melalui [<http://www.ubd.edu.bn/assets/Documents/UBD-ADMIN8%20Borang%20P3.doc>]. Borang-borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap beserta dengan salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan **tidak lewat pada 22 Februari 2020** ke alamat berikut :

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK
GADONG, BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut :

**1) SATU LAPORAN SULIT
2) SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH
3 TAHUN KEBELAKANGAN
(SEKURANG-KURANGNYA SANGAT
BAIK)
3) SATU SALINAN REKOD
PERKHIDMATAN / REKOD
PERKHIDMATAN GEMS YANG TELAH
DIKEMASKINIKAN.**

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

Tarikh Iklan : 22 Januari 2020



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**JUALAN SECARA TAWARAN AWAM
8 UNIT SORTING FRAME
(BACK TO BACK)**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang berminat bolehlah mendapatkan borang tawaran pada **3 Februari 2020 (Isnin) di Unit Kewangan, Tingkat 1, Pejabat Besar Pos, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, BS8611, Negara**

Brunei Darussalam dengan harga BND5.00 bagi setiap satu set (Wang tidak dikembalikan) dengan membawa bersama Kad Pengenalan Asal.

3. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah meliat barang-barang berkenaan bermula pada **10 Februari 2020 (Isnin) hingga 12 Februari 2020 (RABU)**, Waktu Pejabat bertempat :

LOT. 1 - Post Office (MPC), Berakas.

**Pegawai Dihubungi :
Yassin - +673 8871597**

Hj Ekram - +673 8629822

4. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :

**Jabatan Perkhidmatan Pos
Peti Tawaran Tingkat 1
Unit Kewangan, Pejabat Besar Pos**

**Jalan Elizabeth II
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **13 Februari 2020 (Khamis), jam 2.00 Petang.**

6. Pembeli yang berjaya akan dihubungi oleh Pihak Urus Setia dan dikehendaki untuk membayar secara **WANG TUNAI** dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya tidak dapat menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan menggunakan **E-MAIL.**

7. Untuk keterangan lanjut, bolehlah menghubungi :

**Pg. Hj. Muhammad Iqbal Hakeem bin Pg.
Hj. Hashim (hakeem.hashim@post.gov.bn)
ATAU telefon bimbit +673 8968205**

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki

membayar cukai kastam jika diperlukan.

9. Pembeli yang berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau akan disenaraihitamkan mengikut keputusan Pengerusi Jawatankuasa Penghapusan, Jabatan Perkhidmatan Pos dan pihak penjual berhak menawarkan kepada tertinggi kedua dan seterusnya jika tertinggi pertama gagal menjelaskan bayaran atau menarik diri.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah memindah barang-barang tersebut dalam tempoh **tujuh hari** dari tarikh bayaran dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan (wang tidak dikembalikan) dan akan dijual kepada pihak kedua atau dilelong semula atau dimusnahkan.

11. Kelewatan memindahkan peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang, tidak akan di tanggungjawabkan oleh Penjual.

12. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan tawaran.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0014 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
'SUPPLY AND DELIVERY OF
PROFICIENCY TESTING PROGRAM
IN AQUATIC ANIMAL DISEASES'

TARIKH TUTUP :
Isnin, 10 Februari 2020
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BILANGAN SEBUT HARGA :
1) KHEU / JPI / JKS / 22 / 2019 - 2020

KETERANGAN :
MEMBEKAL, MENYEDIAKAN DAN
MENGEMAS JAMUAN MAJLIS
HAFLUT TAKHARUJ & MAJLIS
KHATAM AL-QURAN BAGI
SEKOLAH UGAMA ARAB
MENENGAH PEREMPUAN RAJA
ISTERI PENGIRAN ANAK
HAJAH SALEHA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TAHUN 1441H / 2020M

Tarikh tutup tidak lewat pada :
Rabu, 18 Jamadilakhir 1441H /
12 Februari 2020M
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : I & II
KATEGORI : KP12 SAHAJA**

**Tarikh akhir mengambil
dokumen tawaran :**
17 Februari 2020 (Isnin)

Tarikh tutup :
19 Februari 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1005 / 2020

Tajuk Projek :
TERM CONTRACT
FOR MAINTENANCE
LANDSCAPING SERVICES TO
MINISTRY OF HOME AFFAIRS
FOR 36 MONTHS

Bilangan Projek :

KHEDN / BPE / Q1005 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan
bayaran



**JABATAN RADIO DAN
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA
MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
RTB / K / 197 / 19 - 20
SUPPLY OF GRAPHIC AND AUDIO
EDITING SOFTWARE

Bayaran tawaran (termasuk e-dokumen) :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 12 Februari 2020
(jam 2.00 Petang)



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**



**SEBUT HARGA / TAWARAN
BAGI PERBEKALAN
JABATAN TANAH,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**PEMASANGAN QUEUE
MANAGEMENT SYSTEM (QMS) BAGI
KAUNTER PERKHIDMATAN DAN
PEMBAYARAN PEJABAT TANAH
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
DI TINGKAT 1, JABATAN TANAH.**

TARIKH TUTUP :
11 FEBRUARI 2020, SELASA,
JAM 2.00 PETANG



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

JAWATAN : WADAR

**BAHAGIAN : V
TANGGAGAJI : P.1 EB 2
BND605.00 - BND885.00
EB Khas BND900.00 - BND960.00
SEBULAN**

KEKOSONGAN :
Lelaki [50 jawatan]
Wanita [5 jawatan]

1.1. SYARAT KELAYAKAN

- MESTILAH terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Kelulusan akademik sekurang-kurangnya dua [2] kepujian / kredit di peringkat GCE 'O' Level dan tidak melebihi Peringkat Diploma Kebangsaan Biasa (Ordinary National Diploma) atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih 25 tahun.
- Bagi pemohon wanita hendaklah belum berkahwin sebelum dan sepanjang menjalani latihan.
- Tinggi tidak kurang 1.57 meter (lelaki) dan 1.52 meter (wanita) dengan tidak bersepatu.
- Lulus ujian Body Mass Index (BMI).
- Pendengaran dan Penglihatan biasa dan

tidak cacat.

- Hendaklah dalam keadaan sihat sepanjang menjalani Ujian Kecergasan Fizikal.
- Lulus Ujian Kecekapan Fizikal.
- Lulus Pemeriksaan Kesihatan.

1.2. Syarat-Syarat Lain

Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu pejabat biasa, bertugas giliran [shift] dan di mana-mana tempat sahaja yang dikehendaki.

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh Akta dan Aturan-Aturan Penjara Penggal 51 dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

1.3. Tugas dan Tanggungjawab

- Bertanggungjawab kepada pegawai atasan bagi kelicinan dan kecekapan pelaksanaan tugas di bahagian-bahagian yang diturunkan.
- Menyelia dan mengawal banduan-banduan di sepanjang masa mengikut giliran.
- Mencatat sebarang kejadian ke dalam Buku Harian Siang / Malam dan Buku Jagaan Khas.
- Mencegah dan melaporkan / mengambil tindakan terhadap sebarang pelanggaran tatatertib.
- Menentukan kebersihan dan keselamatan blok-blok / bangunan-bangunan penjara dan sebagainya mengikut tempat bertugas yang diturunkan.
- Melaporkan semua kerosakan bangunan / kemudahan untuk tindakan pemeliharaan.
- Membantu memastikan keadaan banduan sentiasa dalam keadaan selamat dan melayani apa jua aduan atau permintaan banduan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Menjalankan tugas-tugas mengiring (eskot) terhadap banduan ke mahkamah, hospital dan lain-lain tempat.
- Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara dan

pegawai-pegawai atasan dari masa ke semasa.

1.4. Tempoh percubaan dan penetapan jawatan

a) Tempoh percubaan antara 1 tahun hingga 3 tahun setelah tamat menjalani Kursus Asas Kepenjaran.

1.5. Kursus / Latihan

a) Dikehendaki menjalani Kursus Asas Kepenjaran dalam tempoh di antara 6 bulan hingga 9 bulan dan lain-lain kursus / latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT AM :

- Pemohon-pemohon yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan atau perkhidmatan sektor swasta hendaklah menghadapkan permohonan melalui sokongan ketua Jabatan / Pengurus masing-masing dengan menyertakan :
 - Laporan dan sokongan sulit Ketua Jabatan / Pengurus.
 - Rekod Perkhidmatan yang lengkap [jika berkenaan].
 - Borang Penilaian Prestasi 3 tahun terkini [jika berkenaan].
 - Salinan kad pengenalan, sijil kelulusan, surat pengiktirafan kelulusan, surat pengakuan / pengesahan dan dokumen-dokumen berkaitan hendaklah disertakan / dihadapkan bersama borang permohonan.
- Calon yang layak mestilah lulus tiga peringkat ujian di mana peringkat pertama merangkumi Pemeriksaan Fizikal Anggota,

Ujian Kecergasan Fizikal, Ujian Bertulis dan peringkat kedua iaitu temu duga, penilaian / pemilihan, tapisan keselamatan dan Pemeriksaan Kesihatan.

CARA-CARA MEMOHON :

Hendaklah melalui seperti berikut :

Pendaftaran dibukakan bagi pemohon yang memenuhi Syarat Kelayakan di Para 1.1. :
Pada 8 hingga 13 Februari 2020
waktu bekerja.
Jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
dan 2.00 Petang hingga 4.00 Petang
Tempat di Dewan Silaturrahim
Pusat Latihan, Jabatan Penjara
Simpang 1111, Kampung Bukit Panggal
Mukim Keriam, Tutong, TB1721
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam.

Calon yang layak akan menjalani ujian seterusnya pada tarikh yang ditetapkan.

- Ujian Kecergasan Fizikal
- Step test
 - Arm Dip
 - Sit Up
 - Standing Broad Jump
 - Pull Up

Nota :

Sebarang perubahan tarikh akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.



Menghiasi diri dengan sifat sabar

menyangkal akan segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala ke atasnya dalam menghadapi cercaan, kesusahan dan kepayahan hidup. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Barangsiapa yang dikehendaki Allah menjadi orang baik, maka ia diberinya cubaan".

Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan memberi ujian dan dugaan di luar kemampuan hamba-hamba-Nya. Oleh itu, kadang-kala kita diuji dengan berbagai-bagai ujian, sama ada ujian kesenangan mahupun kesusahan, ujian harta benda, sama ada kekayaan atau kemiskinan. Begitu juga ada kalanya kita diuji dengan tekanan hidup seperti tekanan sosial, emosi dan ekonomi seperti dalam hal hutang piutang, rumah tangga, keluarga dan sebagainya.

Oleh yang demikian, jika kita ditimpa ujian dan musibah, janganlah bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan beranggapan bahawa kita adalah orang yang paling malang. Kita wajib bersabar kerana setiap ujian itu pasti ada hikmah di sebaliknya. Bersangka baiklah terhadap segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala serta berusaha menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyelesaian, di samping berdoa, bertawakal dan lebih mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya ujian itu adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman dan kesabaran kita. Daripada Sahib ia berkata, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Amat menakutkan urusan seorang mukmin kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada seorang mukmin (yang sempurna keimanannya). Jika dia mendapat sesuatu yang menggembirakan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah

ALLAH Subhanahu Wata'ala tidak akan memberi ujian dan dugaan di luar kemampuan hamba-hamba-Nya. Oleh itu, kadang-kala kita diuji dengan berbagai-bagai ujian, sama ada ujian kesenangan mahupun kesusahan, ujian harta-benda sama ada kekayaan atau kemiskinan. Begitu juga ada kalanya kita diuji dengan tekanan hidup seperti tekanan sosial, emosi dan ekonomi seperti dalam hal hutang piutang, rumah tangga, keluarga dan sebagainya.

kebaikan baginya". - (Riwayat Al-Imam Muslim).

Ingatlah, ujian itu adalah satu fitrah dalam kehidupan kerana dengan ujianlah akan menjadikan diri kita lebih dewasa, lebih tabah, lebih sabar dan lebih mengenal kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan satu kalimah yang mempunyai keberkatan dan kemuliaan, iaitu ucapan *Istirja'* yang dilafazkan ketika mendapat musibah. Daripada, Ummu Salamah Radiallahuanha, dia pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Apabila ada seorang Muslim yang mengalami musibah, lalu dia mengucapkan kelimah seperti yang Allah perintahkan, *Innalillahi Wa Innaillahi Rajiun*, Ya Allah berikanlah pahala untuk musibahku, dan gantikan untukku dengan sesuatu yang lebih baik darinya. Maka Allah akan memberikan ganti untuknya dengan yang lebih baik". - (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sabar itu adalah anugerah terindah yang menjanjikan pelbagai kurniaan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya, mempunyai kedudukan tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, mendapat keampunan dan rahmat serta petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat balasan yang lebih baik daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya orang-orang yang beriman melihat ujian itu sebagai pintu rahmat yang mendekatkannya dengan syurga Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana ganjaran bagi orang-orang yang sabar itu adalah syurga di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar Ra'd, ayat 23 - 24 yang tafsirannya :

"(Iaitu) Syurga-syurga Adnin, mereka masuk ke dalamnya bersama-sama orang-orang yang mengerjakan amalan soleh daripada bapa-bapa dan datuk nenek mereka dan isteri-isteri mereka serta zuriat keturunan mereka, sedang malaikat-malaikat akan masuk ketempat-tempat mereka dari semua pintu. Sambil mengucapkan salam keatas kamu disebabkan kesabaran kamu. Maka inilah sebaik-baik tempat kesudahan di akhirat".

Lihatlah setiap ujian dan dugaan hidup itu dengan sangkaan yang baik kerana walaupun sabar itu pahit, tetapi penghujungnya adalah indah dan manis. Ingatlah, Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa bersama kita sebagaimana yang dijanjikan di dalam Al-Quran bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengasihi dan bersama-sama orang-orang yang sabar.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 146 yang tafsirannya :

"Dan ingatlah Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar".

Jadual Aktiviti

Festival Jubli Emas Pusat Belia Bandar Seri Begawan

Sabtu, 8 Februari 2020

PENGISIAN	WAKTU	VENUE	PENGENDALI
Aneka Jualan	9.00 pagi - 10.30 mlm	PUSAT BELIA BSD	EXCEL Event Management Barakah Event Management AgriBiz Group
Aktibiti bersama Persatuan OKU	9.00 pagi 2.00 ptg	RUANG BELIA KITANI	JBS
Akademi IT	8.00pagi - 12.00tghri	BILIK ICT	Pusat Belia BARAKAH Event Management
Klinik Bacaan Alquran	2.00ptg - 5.00ptg		
Akademi IT	7.00mlm - 9.00mlm	BILIK PERSIDANGAN	Tenaga Profesional / KKBT
Bengkel Juruacara	8.30pagi - 4.30ptg		
Lip Sync Battle (Preliminary Round) Burger Eating Contest	5.00ptg - 7.00mlm	PENTAS OUTDOOR CAFE	AgriBiz Group
• Junior Chef Challenge 'Secret Ingredients' (Final) • #IWANTSKB contest winner	8.00pagi 2.00pagi	SHARED KITCHEN	AgriBiz Group
Asas Berenang	8.30pagi-9.30pagi	KOLAM RENANG	Penyelamat Kolam
Gaya Bebas	9.30pagi-11.00pagi		
Asas Menyelamat Nyawa	2.00ptg-3.30ptg		
Asas Kayak	3.30pth-4.30ptg		
Senamrobik	7.00mlm-8.30mlm		
Reptile Show	10.00pagi- 9.00mlm	DANCE STUDIO	Barakah EM
Bersama Gulintangan Belia-Belia Temburong	TBC	STUDIO GULINGTANGAN	JBS Temburong
Aktibiti Memanah	8.30pagi - 10.00mlm	RUANG TERBUKA	Seri Begawan Archery
Promosi Servis Kecantikan / Kelas asas 'Straightening Rambut' / Kelas asas Solekkan / Kelas asas Skin Regime	9.00pagi - 10.30mlm	AKADEMI KECANTIKAN WANITA	Pusat Belia
MALAM LAGU-LAGU 80AN & 90AN	8.00 MALAM	DEWAN RIADAH	EXCEL EVENT MANAGEMENT

Ahad, 9 Februari 2020

PENGISIAN	WAKTU	VENUE	PENGENDALI
Aneka Jualan	9.00 pagi - 10.30 mlm	PUSAT BELIA BSB	EXCEL Event Management Barakah Event Management AgriBiz Group
KKBT AMAZING RACE	7.00pagi - 12 Tghri	PUSAT BELIA	KKBT
Malay Poetry Aand Recital Workshop By Kris Karmila	9.00pagi	BILIK PERSIDANGAN	BenchLab
Intro To Korean 2 Workshop	2.15ptg	RUANG BELIA KITANI	JBS
Sesi kongsi program luar negara Alumni Korea	9.00pagi		
Sesi kongsi program luar negara Alumni Singapore/India	2.00petang	OUTDOOR CAFE	AgriBiz Group EXCEL Event Management
Lip Sync Battle (Final Round)	9.00pagi		
Youth Cafe Idol (Final Round)	2.00petang	SHARED KITCHEN	AgriBiz Group
Mr Excel Sharing Talk By Excel Kamaloko	8.00mlm 9.30mlm - 10.30mlm		
Romantic Dessert Making #IWANTSKB Contest Winner	9.30pagi 2.00ptg	KOLAM RENANG	Penyelamat Kolam
Asas Berenang	8.30pagi-9.30pagi		
Asas Kayak	9.30pagi-11.00pagi		
Asas Menyelamat Nyawa	2.00ptg-3.30ptg		
Asas Kayak	3.30pth-4.30ptg		
Senamrobik	7.00mlm-8.30mlm	DANCE STUDIO	Gnaning Academy Barakah EM
Reptile Show	10.00pagi - 9.00mlm		
Bersama Gulintangan Belia-Belia Tutong	TBC	STUDIO GULINGTANGAN	JBS Tutong
Aktibiti Memanah	8.30pagi - 10.00mlm	RUANG TERBUKA	Seri Begawan Archery
Promosi Servis Kecantikan /Kelas Henna Mehndi by KAJAL HOUSE /Nail Art and Nail Extension Pro	9.00pagi - 10.30mlm	AKADEMI KECANTIKAN WANITA	Pusat Belia
"JIWAKU SENI" KKBT	8.00 MALAM	DEWAN RIADAH	KRIS KARMILA KREATIONS KKBT

Kukuhkan semangat kenegaraan dalam diri penuntut



PENOLONG Pegawai Penerangan ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan kali ini

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Sukan.

Hadir pada taklimat tersebut ialah Tenaga Pengajar serta 40 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan Lagu Kebangsaan.

Pengisian program taklimat kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Dalam taklimat tersebut, antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, dan diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

SEBAHAGIAN daripada penuntut Tahun 7 Sekolah Sukan yang menyertai program taklimat tersebut (kanan dan atas kanan).



Pelajar Ma'had Islam sertai taklimat kenegaraan



PENOLONG Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong ketika menyampaikan taklimat.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 6 Februari. - Dalam usaha untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi khususnya dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Ma'had Islam Brunei.

Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di Dewan Ma'had Islam Brunei itu, disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci. Seramai 38 pelajar dari Tahun 7



BERSEDIA untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh salah seorang kakitangan Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

sekolah tersebut menghadiri taklimat berkenaan, di mana turut dihadiri oleh Pengetua Sekolah,

Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin dan beberapa orang tenaga pengajar.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam sama-sama menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa juga negara, khususnya di dalam diri setiap pelajar.

Semasa taklimat tersebut, pelajar juga berpeluang untuk menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Bagi memeriahkan lagi taklimat, para pelajar juga berpeluang untuk menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh pengetua sekolah kepada pelajar yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



ANTARA yang menghadiri Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Ma'had Islam Brunei (kiri). Manakala gambar kanan, antara pelajar Tahun 7 sekolah tersebut yang menyertai sesi Kuiz Kenegaraan.

Bersiap sedia hadapi Dajjal



DAIE Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak semasa menyampaikan Tazkirah Subuh.

pada Solat Subuh Berjemaah bagi Program Pejuang Fajr yang berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamad Alam, Kampung Sengkarai, di sini.

Jelasnya, setiap Nabi berpesan tentang bahayanya Dajjal, bahkan baginda Rasulullah juga berpesan apabila berjumpa Dajjal maka mudahlah mukanya.

"Rasulullah juga berpesan, apabila Dajjal keluar, agar kita lari ke gunung-gunung atau hutan-hutan yang tidak ada dihuni oleh orang.

Di samping itu Rasulullah berpesan, apabila Dajjal sudah keluar, maka ikatlah isteri dan anak-anak perempuan di dalam rumah kerana kaum perempuanlah kelak yang banyak terpengaruh dengan pengaruh Dajjal," jelas oleh beliau.

Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan kerjasama Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah mengendalikan program yang bertemakan Belia Solat Subuh yang diadakan selama sehari bermula dari Sembahyang Fardu Subuh berjemaah.

Program ini merupakan kali kelima diadakan sejak tahun 2019 yang berperanan sebagai satu inisiatif agar menanamkan rasa kebersamaan dan silaturahim dalam kalangan belia Keagamaan dan orang awam serta sebagai medium dakwah kesedaran bagi para belia seluruhnya untuk bangun mengerjakan solat subuh kerana, di samping keistimewaan dalam waktu tersebut, ia juga merupakan solat yang sememangnya sering dan mudah ditinggalkan oleh para belia pada masa ini.



ANTARA jemaah yang hadir mendengarkan Tazkirah Subuh, "Siapa itu Dajjal dan Persiapan Menghadapinya" pada Solat Subuh Berjemaah bagi Program Pejuang Fajr yang berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamad Alam, Kampung Sengkarai (atas dan bawah).



Berita dan Foto :

Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 7 Februari. - Rasulullah berpesan sekuat mana iman kita, jangan sesekali menjumpai Dajjal, kerana Dajjal merupakan fitnah yang terbesar kerana ia boleh memurtadkan orang iaitu mengeluarkan orang Islam dari agama Islam, maka itu adalah dugaan yang terbesar.

Perkara ini dinyatakan oleh Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak semasa menyampaikan Tazkirah Subuh, "Siapa itu Dajjal dan Persiapan Menghadapinya"



کنترين قندي يقن
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MINISTRY EDUCATION

ایکسپو قجاجین تیقنی ۲۰۲۰

HIGHER EDUCATION EXPO 2020

FEBRUARY 8th - 9th, 9AM - 5PM
BRIDEX HALL, JERUDONG
BRUNEI DARUSSALAM


 Ministry of Education
Brunei Darussalam


 moe_brunei


 MoEducation
Brunei


 www.moe.gov.bn



Martabat seni warisan, kraf tangan

KERA di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan, pepatah Melayu ini merupakan gambaran tepat yang dapat merumuskan mengenai stigma masyarakat kita seolah-olah memandang sepi produk kraf tangan buatan tempatan dan lebih kepada mengagungkan produk berjenama luar negara. Mentaliti masyarakat yang lebih mendewa-dewakan produk kraf tangan moden dan berjenama antarabangsa, dilihat ancaman terbesar bagi industri kraf tangan tempatan.

Rentetan kelesuan permintaan dalam pasaran tempatan ini, telah menyumbang kepada kesuraman industri kraf tangan negara yang boleh diibaratkan seperti hidup segan mati tak mahu yang menyebabkan kraf tangan tempatan negara kita bergelut untuk terus bernafas. Apa Pendapat Biskita kali ini cuba mendapatkan pandangan daripada masyarakat kita mengenai produk tempatan yang seolah-olah terlepas pandang akan potensinya. Oleh yang demikian, pelbagai pihak perlulah mencari formula atau mekanisme berkesan untuk memajukan industri kraf tangan di negara kita.

"Sebenarnya kraf tangan tempatan atau apa-apa jua hasil tempatan kitani tidak kurang hebatnya dengan produk atau hasil dari luar negara, cuma berkemungkinan di negara kita pendedahan produk-produk tempatan tidak begitu serius atau tidak begitu menyerlah. Dalam hal ini, pada pandangan saya, pelbagai pendekatan perlu dilaksanakan bagi memartabatkan kembali kegemilangan seni warisan dan kraf tangan sekali gus menjulang ke tahap lebih membanggakan tidak kisahlah apa jua jenis kraf tangan hasil orang-orang kitani, seperti anyaman, tenunan, songket, batik, tembaga, kraf, sulaman, jahitan supaya ia kekal menjadi warisan.

Ini juga turut memerlukan penglibatan pihak-pihak dan orang-orang tertentu dan berkenaan dalam memberikan penekanan khusus supaya seni kraf menjadi warisan kebudayaan, sesuatu yang boleh dibanggakan dan subur dalam segenap lapisan masyarakat. Selain itu, pihak-pihak dan rakan kongsi yang berkemampuan juga harus memainkan peranan penting memartabatkan kegemilangan warisan kraf dalam apa jua bentuk dan menjadi pemangkin secara berterusan demi merealisasikan kraf sebagai industri lestari". - **Mohd. Hamdan Mohd. Ali Gafar, Tungku.**

"Industri kraf tangan ialah kerja-kerja penghasilan barangan kraf tradisional. Industri ini merupakan satu industri yang berpotensi besar untuk membantu meningkatkan tahap kehidupan masyarakat terutama masyarakat desa. Oleh itu, wujud pelbagai tindakan yang boleh dilakukan untuk memajukan industri ini ke tahap yang lebih baik lagi. Tindakan yang paling logik untuk memajukan industri ini adalah dengan membina lebih banyak pusat kraf tangan di negara.

Penubuhan lebih banyak pusat kraf sebegini sudah pasti menjadikan lebih banyak produk yang boleh dipamerkan dan mudah untuk diperoleh oleh pelancong terutama dari luar. Dalam masa yang sama, pusat ini juga boleh dijadikan sebagai tempat melatih lebih banyak penggiat industri ini pula. Kerajaan juga harus menjalankan usaha untuk meningkatkan produktiviti industri ini.

Pengenalan teknologi dan reka bentuk yang unik sudah pasti mampu meninggikan lagi keluaran industri ini supaya kos menjadi lebih murah dan harga yang dikenakan kepada pembeli boleh dikurangkan sehingga ke tahap minima. Produktiviti yang tinggi juga menjadikan industri ini lebih berdaya saing dan kreatif untuk memastikan produk mereka terus mendapat tempat dalam hati pelancong.

Kempen kesedaran yang meluas harus dilaksanakan terutama dalam kalangan generasi muda. Sudah ada remaja yang tidak lagi mengenali hasil kraf tangan negara kerana mereka tidak menggunakan produk itu sebaliknya lebih suka menggunakan sesuatu yang bercorak moden atau berteknologi tinggi. Kempen yang meluas juga mampu mengiklan dan meninggikan imej hasil kraf tangan pada masa yang sama.

Produk kraf tangan ini juga perlulah menggunakan hasil semula jadi yang wujud di negara kita. Usaha mengeksplotasikan sumber semula jadi negara untuk dijadikan kraf tangan mampu memberikan sentuhan unik terhadap produk tersebut lalu meninggikan permintaannya pada masyarakat luar. Bukankah kraf tangan harus menggunakan sumber semula jadi tempatan?" - **Norbaizura Haji Awang Damit, Beribi.**

Pada pandangan saya, selaku penulis ruangan Apa Pendapat Biskita pada minggu ini, produk kraf tangan tradisional tempatan mampu menembusi pasaran antarabangsa sekiranya mempunyai landasan pemasaran dan penghasilan material bersesuaian dengan cita rasa semasa. Justeru, penghasilan produk seni dan kraf tangan tempatan perlu lebih unik, kreatif dan mengekalkan keaslian, tetapi kontemporari sejajar dengan aliran semasa.

Contoh, jika dibandingkan dengan pengguna tempatan, masyarakat di Eropah, umpamanya lebih menghargai produk seni kraf tangan tradisional dan berkaitan warisan budaya, di Eropah koleksi beg raga menjadi aliran fesyen gaya untuk musim panas kerana nilai kreativiti. Tidak mustahil kita juga mampu mencetus aliran global menerusi produk tempatan. Oleh itu, kita selaku masyarakat dan juga kepada pihak-pihak yang tertentu perlu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kualiti dan kreativiti seni kraf tangan tradisional.

Konklusinya, industri ini bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh. Semua negara menghargai hasil kraf tangan mereka dan menjadi tugas kita untuk memastikan hasil ini terus hidup subur dalam negara ini. Kegagalan kita mengekalkan kraf tangan seolah-olah menjadi bukti betapa teruknya pandangan masyarakat terhadap industri kraf tangan sendiri. Mungkin salah satu cara untuk kita lebih mendedahkan produk-produk kraf tangan atau apa juga jenis produk yang dihasilkan oleh orang-orang kitani ialah dengan mengadakan pertandingan kraf tangan / produk-produk tempatan kepada masyarakat kita dengan menilai dari segi keunikan, kualiti, kehalusan, rasa dan setaraf dengan rekaan negara luar.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Penjagaan Rapi Hindari Pelbagai Penyakit
ii. Berhati-hati dan Waspada Musim Kemarau

Pelajar penempatan latihan kerja dirai



PARA pelajar yang menamatkan penempatan latihan kerja bersama sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil di Little Gems Day Care, Cawangan Lambak.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Seramai enam pelajar dalam Program Pra-Vokasional dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB); Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM); dan Sekolah Menengah Sayyidina Husain telah berjaya menamatkan latihan kerja mereka di Little Gems Day Care di dua cawangan syarikat tersebut, iaitu di Lambak dan Tanjung Bunut pada bulan November tahun lepas.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil diadakan bagi meraikan pelajar berkenaan di cawangan Little Gems Day Care, Cawangan Lambak.

Hadir pada majlis tersebut, Pengurus Little Gems Day Care, Cawangan Lambak, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Haji Ahmad; Pengurus Pusat Little Gems Day Care, Cawangan Tanjung Bunut, Awang Haji Jumaat bin Salleh; para

Pengetua dari tiga buah sekolah menengah; pegawai pelajaran kanan dari Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS); pegawai dari Unit Pendidikan Khas (UPK) dan empat Guru.

Penempatan latihan kerja pelajar berkenaan diuruskan oleh JSS untuk membantu sekolah menengah kerajaan dan UPK dalam mengenal pasti peluang bagi pelajar berkeperluan khas untuk mendapatkan pengalaman kerja bersesuaian dengan minat dan kebolehan pelajar dan berdekatan dengan rumah mereka.

Syarikat Little Gems Day Care telah bekerjasama dengan JSS sejak tahun 2017. Little Gems Day Care telah menyatakan sokongan dalam menyediakan peluang penempatan latihan kerja untuk pelajar Program Pra-Vokasional di masa akan datang sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) di kesemua cawangannya.

Ketika ini, Little Gems Day Care mempunyai empat cawangan, iaitu Kiarong, Lambak, Tanjung Bunut di Daerah Brunei dan Muara; dan Sengkarai di Daerah Tutong.

Pengurus Little Gems Day Care, Cawangan Lambak, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Haji Ahmad kemudiannya menyampaikan sijil penyertaan kepada lima orang pelajar dari SMSAB dan SMPAPHM.

Sementara itu, Pengurus Little Gems Day Care, Cawangan Tanjung Bunut, Awang Haji Jumaat bin Salleh, menyampaikan sijil penyertaan kepada seorang pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Sebagai tanda penghargaan, Timbalan Pengetua Akademik, SMSAB, Dayang Hajah Junaidah binti Haji Tajudin; Timbalan Pengetua Pentadbiran, SMPAPHM, Pengiran Mohd. Ariffin bin Pengiran Haji Aliuddin dan; Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Dayangku Hajah Noramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad, masing-masing menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Little Gems Day Care.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hasil Pertanian dan Perikanan Negara Penting'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2020
2. 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2020
3. 'Pusat Belia Bandar Seri Begawan'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

INFO Teknologi

Artikel dan Foto : Mindplus Education Sdn. Bhd.



PENGGUNA akan masuk ke laman ini setelah menekan pilihan 'Belajar'. Laman ini menunjukkan pilihan tahap / darjah pelajar dari Darjah Pra hingga Darjah 6.



INI memaparkan laman muka 'Hijaiyah' di mana ciri-cirinya adalah pengguna dapat belajar menyebut huruf-huruf 'Hijaiyah' dengan sebutan yang betul.



LAMAN utama aplikasi Islamic Mind 2.0 yang menunjukkan pilihan untuk 'Belajar', 'Kuiz', 'Baca Al-Quran' atau 'Hijaiyah'.

Islamic Mind – Pendidikan Islam dalam bentuk animasi dan gamification

APLIKASI Islamic Mind adalah satu aplikasi pendidikan Islam yang dibina oleh syarikat IT tempatan, iaitu Mindplus Education Sdn. Bhd. Ia adalah aplikasi pendidikan Islam yang pertama sekali pernah dibuat di dunia kerana isi kandungannya adalah berpandukan kepada sukatan pelajaran yang diberikan oleh agensi kerajaan yang bekerjasama dengan Syarikat Mindplus, di mana di Negara Brunei Darussalam adalah bersama dengan Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Aplikasi ini mengandungi sukatan pelajaran daripada semua topik yang dipelajari di sekolah agama dan amat sesuai digunakan oleh murid-murid atau kanak-kanak yang berumur dari 4 - 12 tahun. Walau bagaimanapun, ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan oleh orang ramai. Isi-isi di dalam aplikasi ini semuanya melalui proses penyemakan yang sangat ketat dan diluluskan oleh JPI dan Pusat Da'wah Islamiyah (PDI). Islamic Mind sebelum ini dilancarkan bersama Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada 31 Julai 2017.

Semenjak pelancaran pada tahun 2017, Islamic Mind menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada kalangan orang ramai, pelajar-pelajar dan Guru-guru. Islamic Mind juga sudah menjalankan jerayawara yang dinamakan 'Aktiviti Bersama Islamic Mind' ke sebanyak 126 buah sekolah agama di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Semasa jerayawara, pelajar-pelajar menunjukkan reaksi yang sangat baik, di mana ia menunjukkan yang pelajar-pelajar juga berminat kepada pembelajaran dalam bentuk digital, iaitu animasi dalam konteks Islamic Mind.

Antara tujuan Islamic Mind adalah untuk menaik taraf tahap pendidikan agama Islam ke tahap seterusnya, iaitu dari segi konvensional kepada pembelajaran digital, iaitu sesuai dengan perubahan zaman sekarang yang perlahan-lahan menuju ke zaman era digital. Aplikasi ini juga diharap dapat menaikkan minat para pelajar terhadap pendidikan Islam dengan memberikan pendidikan dalam segi animasi dan gamification. Tujuannya adalah untuk memudahkan pelajar-pelajar untuk lebih memahami isi pelajaran dengan lebih cepat, mudah dan seronok.

Aplikasi ini juga sesuai digunakan

sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM) oleh guru-guru agama kerana isi kandungan dalam setiap topik pelajaran adalah berpandukan kepada pelajaran yang diajar di sekolah agama. Dengan menggunakan platform pendidikan yang lain ini juga, diharap ia dapat membuka peluang untuk guru-guru dalam meningkatkan kreativiti dalam pengajaran mereka supaya dapat menarik lebih minat para pelajar sewaktu sesi pengajaran.

Objektif Islamic Mind adalah untuk memasukkan 700 - 1,000 topik daripada kesemua topik pelajaran dari seluruh darjah, iaitu dari Darjah Pra hinggalah ke Darjah 6.

Aplikasi ini juga mendapat sokongan daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta, iaitu dari JPI, PDI, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan juga Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah (ITQSHHB).

Aplikasi ini mempunyai beberapa ciri-ciri yang sesuai untuk pendidikan seperti akses kepada semua topik pelajaran yang dapat dipelajari dari segi animasi dan kuiz. Pengguna boleh memilih topik pelajaran bagi setiap darjah dan menonton video yang memakan masa kira-kira tiga ke enam minit bagi setiap video. Dalam setiap

video mengandungi beberapa karakter yang menceritakan isi pelajaran dalam segi berdialog. Manakala bagi segi kuiz, pengguna dapat menguji pemahaman mereka dengan menjawab kuiz-kuiz yang disediakan di dalam aplikasi.

Bagi setiap topik, disediakan 15 ke 20 soalan, di mana berkaitan dengan animasi yang ditonton. Soalan-soalan juga adalah disesuaikan dengan soalan-soalan peperiksaan bagi mempersiapkan pelajar-pelajar lebih awal sebelum menghadapi peperiksaan.

Di samping itu juga, aplikasi ini juga tersedia dengan dua jenis tulisan, iaitu tulisan Melayu Rumi dan juga tulisan Melayu Jawi. Ini bermaksud ia secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk dapat mempelajari juga mempraktikkan kecekilan terhadap tulisan Melayu Jawi. Ia juga mempunyai gamification (permainan) Hijaiyah yang amat sesuai bagi pelajar-pelajar darjah bawah untuk mempelajari huruf-huruf Jawi dan juga belajar Iqra'.

Antara motif lain Islamic Mind juga adalah untuk membuka peluang pekerjaan kepada orang ramai untuk menyumbangkan kemahiran mereka, terutamanya dalam bidang kreatif dan keagamaan.

Daerah Belait kendali sekatan jalan raya

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Khamis, 6 Februari. - Dalam usaha untuk memastikan para pengguna / pemandu patuh pada undang-undang jalan raya, agensi - agensi penguatkuasa undang-undang seperti Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) giat mengadakan operasi - operasi sekatan yang kerap di beberapa lokasi strategik di negara ini.

Sehubungan itu, satu operasi

sepertinya dikendalikan oleh Daerah Polis Belait bagi menandai matlamat tersebut.

Operasi Sekatan Jalan Raya yang dijalankan di kawasan Jalan Tengah Seria, Panaga tersebut melibatkan seramai 14 orang anggota dari Ibu Pejabat Daerah Polis Belait dan seorang dari Balai Polis Panaga, diketuai oleh Sarjan Mejar 2978 Millie binti Damit.

Di sepanjang operasi sekatan, pihak polis mengeluarkan Notis Peringatan Polis kepada 19 pemandu dan 27 pemeriksaan secara 'Stop and Search' turut dilaksanakan.

PPDB akan sentiasa berterusan mengadakan operasi sedemikian bagi kepentingan para pengguna jalan raya untuk patuh pada undang-undang jalan raya, di samping meningkatkan usaha kesedaran terhadap kemalangan lalu lintas yang mungkin berpunca daripada kecauaan pemandu sendiri.



SUASANA Operasi Sekatan Jalan Raya yang dijalankan di kawasan Jalan Tengah Seria, Panaga.

Tawaran mengikuti program di IBTE dibukakan

Siaran Akhbar : Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menawarkan sebanyak 46 buah program sepenuh masa di peringkat Diploma, HNTec dan NTEC untuk kemasukan bulan Julai 2020 dan tawaran untuk mengikuti pengajian tersebut dibukakan.

Permohonan untuk kemasukan ke IBTE boleh dilakukan secara dalam talian atau *online* melalui laman sesawang <http://ibte.edu.bn/tvecas> dan tawaran dibukakan hingga 29 Februari 2020 dan berakhir pada jam 4.30 petang.

Sehubungan itu, sebarang pertanyaan mengenai proses permohonan, bolehlah berhubung melalui e-mel ke tvecas@ibte.edu.bn atau hubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar, IBTE pada waktu pejabat menerusi talian +673 242 2296.

Sementara itu, IBTE turut memaklumkan akan mengadakan Hari Terbuka IBTE dan disarankan semua pemohon untuk mengunjunginya sebelum membuat sebarang permohonan.

Hari Terbuka IBTE dijadualkan diadakan di lokasi berbeza, mengikut tarikh yang tertentu, iaitu pada 12 dan 13 Februari, Hari Terbuka IBTE akan diadakan di IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal; IBTE Kampus Nakhoda Ragam; IBTE Kampus Mekanikal; IBTE Kampus Bisnes; IBTE Kampus Sultan Bolkuah.

Manakala pada 13 dan 15 Februari 2020, Hari Terbuka IBTE akan diadakan di IBTE Kampus Jefri Bolkuah dan akhir sekali pada 15 dan 16 Februari, Hari Terbuka IBTE akan diadakan di IBTE Kampus Agro Teknologi.

Hari Terbuka IBTE ini diadakan adalah untuk memberikan peluang kepada para pemohon dan orang awam untuk melihat lebih dekat lagi mengenai kursus-kursus yang ditawarkan, sekali gus dapat berinteraksi bersama tenaga pengajar dan pelajar IBTE.

Selain itu, perkhidmatan mendaftar secara *online* turut disediakan oleh pihak kampus, masing-masing bagi membolehkan pemohon membuat permohonan bagi program-program yang ditawarkan.

Berbelanja Bijak & Berhemat
dengan aplikasi

Pengguna Bijak SmartConsumer



Dapatkan aplikasi dan muat turun di




Menyediakan pelbagai fungsi:

- PENETAPAN HARGA MAKSIMA**
Senarai barangan yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.
- PERBANDINGAN HARGA**
Perbandingan harga barangan keperluan harian terpilih.
- MEMBUAT ADUAN**
Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barangan yang dikawal harga.
- JUALAN & POTONGAN DISKAUN**
Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.
- PELINDUNGAN PENGGUNA**
Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barangan harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskaun melalui **Pengguna Bijak SmartConsumer**

HUBUNGI KAMI: Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Telefon : 223 0223
Faksimile : 223 0203
E-mel : dcca@jpke.gov.bn;
aduanpengguna@jpke.gov.bn;
consumercomplaint@jpke.gov.bn



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan

Lawan Pedang perlu ketangkasan bersenjata

KETANGKASAN bermain senjata sangat diperlukan dalam sukan Lawan Pedang yang menekankan teknik kemampuan, seperti memotong, menusuk atau menangkis senjata lawan menggunakan keterampilan dalam memanfaatkan kelincuhan tangan.

Sukan lawan pedang adalah seni bela diri yang menggunakan senjata, kini semakin berkembang menjadi seni budaya dan sangat digemari oleh semua peringkat usia, terutama golongan remaja juga belia.

Ia merupakan satu cabang sukan yang diajarkan di sekolah-sekolah Eropah

pada masa lalu dalam melatih kepakaran menggunakan senjata tajam yang akhirnya menjadi salah satu acara rasmi pada Sukan Olimpik.

Kelengkapan atau pakaian bagi sukan Lawan Pedang terdiri daripada pelindung muka (*masker*), sarung tangan, baju jaket dibuat daripada bahan yang kuat dan berwarna putih. Manakala untuk pemain *sabre* atau *poil*, baju pemain diperbuat daripada logam.

Kerjasama di antara Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persekutuan Lawan Pedang

Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Fencing Federation - BDF) di dalam mengembangkan sukan lawan pedang ini cukup menggalakkan kerana ia dapat dilihat daripada program latihan yang giat berjalan dan termasuk atlet-atlet baharu secara berterusan daripada berbagai-bagai sesi latihan dan kategori umur, iaitu U-12 & U-10 (Kids Class); U-14 (Pra-Cadet) & U-16 (Cadet); U-20 (Junior) dan di atas 20 (Senior).

Sementara Latihan untuk Bersaing / Bertanding (Training to Compete) U-20, melatih lawan pedang secara *advance*

dengan diperkenalkan kepada teknik, taktik dan strategi bertanding dan mulai disertakan dalam kejohanan-kejohanan untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan bertanding serta mendapat maklum balas bagi memperbaiki gerakan dasar, teknik dan taktiknya manakala bagi Latihan untuk Menang (Training to Win) U-20 bagi *senior* memberikan pendedahan terhadap gerakan lanjutan, teknik dan taktikal juga strategi bertandingnya secara lebih sempurna.

Latihan fizikal baik secara aerobik mahupun aerobik dimaksimumkan sehingga atlet bersedia untuk bertanding dengan keadaan fizikal yang selayaknya (*fit*) dan mencapai kejayaan prestasinya.

Penyertaan Pasukan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam dalam Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei Kali Keempat yang diadakan pada 30 hingga 31 Mac 2019 di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan begitu menyerlah.

Turut bersaing dalam kejohanan anjuran BDF itu, pasukan-pasukan lawan pedang dari Malaysia, Indonesia dan Australia.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah Perseorangan Lelaki dan Wanita Foil, Perseorangan Lelaki dan Wanita Epee dan Perseorangan Lelaki dan Wanita Sabre serta pertandingan bagi peserta kanak-kanak.

Kejohanan tersebut merupakan satu platform yang sangat baik bagi penggemar sukan lawan pedang untuk mengetengahkan bakat dan kepandaian dalam sukan lawan pedang, selain mencari bakat-bakat baharu sebagai pelapis negara. Bagi mengetahui maklumat lanjut untuk menyertai sukan ini, boleh menghubungi Jurulatih Kebangsaan BDF, Rocky Poerawinata menerusi talian +673 8892410.

Orang ramai yang berminat untuk mengikuti latihan lawan pedang bolehlah berkunjung ke Fencing Hall, Stadium Negara Hassanal Bolkhiah pada setiap Rabu dan Jumaat jam 3.30 petang hingga 5.30 petang.



Sukan

INFO SUKAN

LAPAN pasukan yang diwakili 120 peserta berentap pada Kejohanan Badminton Liga Berpasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2020 anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dalam Kategori Beregu Lelaki Di Bawah 21 Tahun; Kategori Veteran 50 Tahun Berpasangan dengan 55 Tahun; Kategori Beregu Lelaki Terbuka Pertama; Kategori Beregu Perempuan dan Beregu Lelaki Terbuka Kedua.



ePaper Pelita Brunei

MS ABDB - Kota Ranger FC berentap rebut Piala Sumbangsih

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

SIDANG Media bagi perlawanan Piala Sumbangsih 2020 di antara Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Kota Ranger FC berlangsung di NFABD House.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Februari. - Juara bertahan Liga Super Brunei 2018-2019, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Juara Piala FA DST 2018-2019 Kota Ranger FC akan bertembung dalam perlawanan Piala Sumbangsih 2020 yang akan diadakan malam esok.

Sehubungan itu, perlawanan bagi pembukaan tirai Liga Super Brunei itu akan diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah jam 8.15 malam.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Media, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Awang Waquiddin Abdul Haq Haji Abdul Rajak pada sidang yang berlangsung di persatuan berkenaan.

Sementara itu, Pengurus Pasukan MS ABDB, Major (U) Muhd. Nur Aidi Haji Abdul Razak semasa sidang media menjelaskan, ada saingan yang hebat antara pasukan-pasukan bagi musim perlawanan tahun ini dan berusaha untuk sentiasa mengharungi cabaran serta membuat yang terbaik bagi permulaan perlawanan besok malam.

Manakala Pengurus Pasukan Kota Ranger FC, Md. Nazib Haji Ali pula berkata, pasukannya juga mempersiapkan diri masing-masing dan berharap mereka dapat melakukan yang terbaik.

Menurut Kapten Pasukan MS ABDB, Mohammad Khairul Mee Mail dan Kapten Pasukan Kota Ranger FC, Adi Said berkata, pasukan masing-masing telah membuat persiapan yang cukup dan tekad ingin mengakhiri setiap perlawanan dengan keputusan yang baik.



Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

Bola Sepak Persahabatan mantapkan perpaduan masyarakat



TEMBURONG, Jumaat, 7 Februari. - Perlawanan Bola Sepak Persahabatan di antara Warga Jabatan Daerah Temburong dan kalangan pemimpin akar umbi dan Kelab Bola Sepak Stoneville hari ini diadakan bertempat di Kompleks Sukan Batu Apoi.

Turut serta dalam perlawanan persahabatan di antara warga Jabatan Daerah Temburong dan Kelab Bola Sepak Stoneville tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman.

Inisiatif dan aktiviti tersebut adalah salah satu usaha jabatan tersebut dalam memantapkan lagi perpaduan dan keharmonian masyarakat.

Dengan adanya aktiviti sukan dan riadah tersebut, secara tidak langsung mengeratkan silaturahim dan juga mengeratkan perpaduan masyarakat di antara jabatan dan juga pihak swasta.

ANTARA aksi menarik perlawanan persahabatan di antara Warga Jabatan Daerah Temburong dan kalangan pemimpin akar umbi dan Kelab Bola Sepak Stoneville.

Antara objektif ia diadakan adalah untuk memantapkan dan menyemarakkan lagi keharmonian masyarakat Daerah Temburong melalui sukan dan ia merupakan satu petanda positif, sekaligus menjadi aktiviti yang boleh dibuat dari semasa ke semasa.

Tahukah Awda

KEMENTERIAN Hal Ehwal Dalam Negeri melancarkan laman sesawang 1 Kampung 1 Produk (1K1P) pada 18 Januari 2020. Ia merupakan salah satu inisiatif KHEDN bagi menyediakan platform tambahan dalam memasarkan produk-produk 1K1P yang terdapat di keempat-empat buah daerah dan bertujuan untuk mempromosikan dan meluaskan lagi pasaran produk-produk 1K1P kepada masyarakat tempatan dan juga luar negeri yang memaparkan maklumat pengusaha 1K1P yang lengkap termasuklah nama, alamat dan nombor perhubungan pengusaha terlibat, selain maklumat seperti nama produk, harga dan gambar produk-produk 1K1P.

Sebagai permulaan, seramai 30 pengusaha 1K1P dan lebih 100 jenis produk-produk 1K1P telah dimuat turun ke dalam laman sesawang berkenaan.

SUMBER : Laman sesawang 1K1P - www.1k1p.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'ALLAH SENTIASA MENGASIHI, BERSAMA ORANG-ORANG YANG SABAR'

دتر بیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam